

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV Bil. 29 Hari Khamis 16 Julai 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998	(Ruangan)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat – 12(1)	(Ruangan
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat – 16(3)	(Ruangan
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Masalah-masalah Di Sekolah Tamil - <i>Y.B. Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]</i>	(Ruangan

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Aion Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 16 Julai 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**DANA SAHAM AMANAH/SAHAM AMANAH NEGERI - LANGKAH
MEMPERKUKUH OPERASI**

1. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu memperkukuh operasi dana saham amanah dan saham amanah negeri yang terjejas terus kerana kegawatan ekonomi dan berapa jumlah amanah saham dan amanah saham negeri, serta apakah kemungkinan kerajaan akan membenarkan pengurus dana menyertai pelaburan di luar negara; dan
- (b) berapakah jumlah dana saham amanah serta peratusannya kepada keseluruhan jumlah sumber dana negara dan berapa peratuskah unjuran dana saham amanah menjelang tahun 2000 dan 2020.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan nilai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah menjejaskan prestasi skim-skim amanah saham secara keseluruhannya, tidak kira sama ada skim yang ditaja oleh kerajaan mahupun tajaan swasta kerana sebahagian besar pelaburannya adalah dalam saham-saham

yang tersenarai di dalam BSKL. Walaupun begitu perlu diingat skim amanah saham adalah pelaburan jangka masa panjang dan bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan yang cepat. Oleh yang demikian, para pelabur dinasihatkan supaya bersabar kerana kemerosotan yang dialami sekarang merupakan rintangan yang sementara sahaja.

Bagi memperkukuhkan prestasi skim amanah tajaan kerajaan iaitu kerajaan negeri, syarikat pengurusan dan kerajaan-kerajaan negeri telah diminta melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan sumber guna tenaga mahir dalam bidang pelaburan dan pengurusan komersial bagi meningkatkan tahap profesionalisme syarikat pengurusan itu;
- (ii) menetapkan polisi pembayaran dividen yang wajar dan mencerminkan prestasi sesebuah skim;
- (iii) syarikat pengurusan diminta untuk mempertingkatkan lagi tahap pengawasan terhadap skim amanah saham bagi memastikan skim-skim tersebut diuruskan dengan lebih cekap dan teratur; dan
- (iv) Suruhanjaya Sekuriti akan terus mempertingkatkan lagi pengawalseliaan terhadap skim amanah saham melalui pemeriksaan dan pengumpulan maklumat supaya kelemahan yang dikesan dapat ditangani dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 April tahun ini terdapat 92 skim amanah saham yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti, daripada jumlah ini 8 buah adalah terdiri daripada skim amanah saham tajaan kerajaan negeri, iaitu:

Saham Amanah
Tajaan Kerajaan Negeri

Johor	-	2 buah
Kedah	-	1 "
Pahang	-	1 "
Selangor	-	1 "
Terengganu	-	1 "
Sabah	-	1 "
Sarawak	-	1 "

Jumlah saham amanah dalam industri amanah ialah 47.4 bilion unit dengan jumlah nilai aset bersih sebanyak RM42.3 bilion merupakan 10.9% daripada nilai modal Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tiada unjuran yang dibuat bagi industri amanah saham, tetapi berdasarkan saiz dan kepentingannya perkembangan industri amanah saham dijangka meningkat di masa akan datang, kerana minat yang tinggi dari pelabur, prestasi pertumbuhan industri semasa dan perkembangan industri di negara-negara lain.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, memandangkan ada 92 syarikat yang beroperasi dalam dana saham amanah, sama ada kerajaan bercadang atau adakah pihak-pihak yang telah memohon supaya lebih banyak syarikat dana seperti itu dibenarkan beroperasi di masa hadapan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, penglibatan rakyat ataupun penglibatan pelabur di dalam amanah saham di negara kita masih lagi rendah. Seperti saya kata tadi iaitu 10% daripada capitalization dalam BSKL, dibandingkan dengan negara-negara maju di Amerika, amanah saham sahaja melingkupi lebih daripada 40% hingga 45% di dalam keseluruhan bursa saham negara itu. Begitu juga di

Jepun malah di Thailand pun ia menjangkau angka 24%, tetapi di negara kita hanya 10%. Jadi, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita menggalakkan penubuhan amanah saham ini supaya rakyat biasa dapat mengambil bahagian di dalam pasaran saham dengan dipandukan oleh pengurus-pengurus dana yang berpengalaman supaya risiko mereka tidak tinggi.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat adakah kerajaan hendak menambah lagi, itu kita akan kaji dari masa ke semasa mengenai kehendak dan saya ingin nyatakan di sini, memang kerajaan menggalakkan penubuhan dan perjalanan amanah saham supaya keseluruhan rakyat dapat mengambil bahagian di dalam pasaran ekuiti.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin tahu atas dasar apakah harga unit saham ini ditetapkan. Adakah benar bahawa saham amanah dan saham amanah negeri ini dijual melebihi harga yang sepatutnya dijual?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, selalunya harga unit amanah ditentukan oleh nilai (net asset value) saham-saham yang diperniagakan itu. Soal apakah ada amanah saham yang menjual tinggi daripada ini, belumlah kita ketahui cuma kita dengar khabar-khabar angin dan pihak Suruhanjaya Sekuriti sedang menyiasat perkara ini. Jikalau ianya benar, maka ia adalah satu perbuatan yang tidak betul, kerana mana-mana amanah saham seharusnya tidak menjual unit-unitnya yang melebihi daripada net asset value, kalau bawah tidak apa, tetapi jangan melebihi.

RAKYAT TERMISKIN MENGIKUT NEGARA - JUMLAH

2. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan kadar kemiskinan masa kini di negara kita dan sama ada penilaian pendapatan rakyat termiskin akan berubah akibat kegawatan ekonomi dan berikan jumlah rakyat termiskin mengikut negara kita masa kini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan umum di Malaysia pada masa kini ialah 8.9% dan dijangka turun kepada kadar 5.5% menjelang tahun 2000. Kerajaan sedang mengemas kini data ini dalam konteks keadaan sekarang.

Seperti mana yang telah dinyatakan oleh kerajaan baru-baru ini, kadar pertumbuhan ekonomi untuk tahun ini adalah negatif sebanyak 1% hingga 2%, dengan demikian pengurangan pendapatan tidak dapat dielakkan. Namun demikian peruntukan untuk program pembasmian kemiskinan termasuk PPRT tidak dipotong. Langkah ini adalah untuk memastikan golongan miskin dan termiskin tidak mengalami kesusahan dan berat dalam suasana sekarang.

Mengikut senarai daftar dan profile keluarga termiskin bagi tahun 1995/1996 jumlah bilangan ketua isi rumah termiskin di seluruh negara ialah 58,997. Butir-butir lanjut taburan mengikut negeri seperti berikut:

<u>Negeri</u>		<u>Bilangan keluarga</u>
Kelantan	-	12,874
Sabah	-	11,757
Sarawak	-	10,419
Terengganu	-	8,634
Kedah	-	5,650
Perak	-	3,145
Pahang	-	1,459
Selangor	-	1,284
Johor	-	1,192
Perlis	-	104
Negeri Sembilan	-	546
Melaka	-	428

Tuan Chan See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya di negeri Kelantan jumlah anggota di bawah PPRT adalah tinggi, ini kerana negeri itu di bawah tangan pembangkang, sebab itu jumlah keluarga dalam PPRT adalah tinggi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penerangan tentang kes ini.

Dato' K. Kumaran: Jawapannya senang juga, kalau mereka masuk BN bolehlah kita hapuskan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi sedikit penjelasan, kita dapati kemiskinan bukan sahaja di Kelantan, tetapi kita dapati ada 10 daerah di seluruh tanah air kita ini. Dalam 10 daerah ini, Kelantan mempunyai 4 daerah, Kedah, saya kira 1,000 dan lebih daripada 1,000.

Negeri	Daerah	Jumlah Keluarga
Kedah	Kuala Muda	1,293
	Sik	1,096
Kelantan	Bachok	2,237
	Kota Bharu	1,860
	Pasir Mas	1,764
	Tumpat	3,060
Terengganu	Besut	1,883
	Kuala Terengganu	3,036
	Marang	1,240

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang ditanya itu ialah berkenaan dengan negeri Kelantan. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana beri 'Batang Lupar'. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sebelum kegawatan ekonomi berlaku kadar inflasi di Malaysia ialah pada paras 2.7%. Pada masa sekarang kalau tidak salah saya kadar inflasi ialah di

atas paras 7.8%. Jadi, soalan saya apakah bantuan kerajaan menerusi PPRT, bantuan peribadi dan sebagainya kepada pihak-pihak yang termiskin. Adakah kementerian menilai semula bantuan-bantuan ini memandangkan purchasing power yang telah kita beri bantuan kepada pihak-pihak yang memerlukan pertolongan ini mungkin akan terjejas.

Dato' K. Kumaran: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, kementerian saya sedang dalam peringkat akhir membuat kajian dan tidak berapa lagi kita akan umumkan.

JALAN DI DAERAH DAN NEGERI - SEBAB TIADA PEMBINAAN

3. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut] minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa masih banyak jalan yang diperlukan rakyat tidak dibina di daerah-daerah dalam tiap-tiap negeri dan kenapakah persoalan ini tidak diberi keutamaan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya memang menyedari bahawa banyak jalan yang diperlukan oleh rakyat, yang masih belum dibina. Walau bagaimanapun, dakwaan menyatakan persoalan ini tidak diberikan perhatian adalah tidak benar.

Untuk makluman ahli-ahli Dewan yang mulia ini, projek pembinaan jalan raya di negeri-negeri adalah di bawah kawalan beberapa agensi kerajaan seperti berikut:

- (i) pembinaan Jalan Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya;
- (ii) pembinaan jalan-jalan negeri ialah di bawah kerajaan negeri yang berkenaan;
- (iii) pembinaan jalan-jalan luar bandar ialah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar; dan

- (iv) pembinaan jalan-jalan di kawasan-kawasan majlis di bawah pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

Tiap-tiap agensi tersebut bertanggungjawab menimbang dan meluluskan permohonan-permohonan pembinaan jalan yang dianggap penting dan mendesak di dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak semua permohonan di negeri-negeri berkenaan dapat diluluskan. Ini kerana kelulusan akan dibuat berdasarkan priority dan kedudukan kewangan kerajaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek di bawah Kementerian Kerja Raya sahaja, sebanyak 435 buah projek telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan peruntukan sebanyak RM8,791,407,000. Bagi Rancangan Malaysia Keenam bilangan projek yang telah diluluskan ialah sebanyak 305 projek dengan peruntukan sebanyak RM7,292,705,000. Ini menunjukkan peningkatan bilangan projek sebanyak 42% dan peningkatan peruntukan sebanyak 20.5%.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan daripada Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan iaitu mengenai dengan jalan di luar bandar. Kalau kita imbau kembali beberapa kali telah pun saya menyuarakan iaitu jalan daripada Kuala Kelawang-Jelebu-Seremban yang jauhnya lebih kurang 38 kilometer, selekoh merbahaya hanya lebih kurang 4½ kilometer dan memerlukan pembaikan, kerana jalan ini amat merbahaya. Bagi kami penduduk di Jelebu hanya itulah satu-satunya jalan dari Pekan Kuala Kelawang ke Seremban. Jadi, saya ingin bertanya adakah pihak kementerian memandang serius perkara ini, kalau berlaku sebarang kejadian tanah runtuh, maka orang Kuala Kelawang, orang Jelebu terpaksa mengikut jalan Simpang Pertang-Kuala Pilah dan Seremban yang jauhnya hampir tiga kali ganda untuk sampai ke Seremban.

Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Datuk Menteri di dalam perancangan yang akan datang akan memasukkan jalan ini sebagai priority untuk dilaksanakan pembaikan dan juga pembinaan yang sewajarnya.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang kita seriuslah dalam keadaan seperti ini. Oleh kerana soalan ini nampaknya spesifik, saya pun tidak pasti sama ada projek ini dalam perancangan atau tidak. Jadi, saya akan mengambil perhatian yang berat dan kita boleh adakan penyiasatan untuk memastikan aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu dapat kita ambil tindakan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa tindakan akan diambil ke atas mana-mana penyelewengan dalam projek-projek jalan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah bahawa penyelewengan tersebut masih berlaku dan di antara kes-kes di mana skandal penyelewengan projek jalan, sebagai satu contoh di Melaka, di hadapan Kota Bandaraya, iaitu di hadapan Parkson Grand, di mana jalan yang dibina rosak sebaik sahaja ia siap dibina. Saya rasa bukan di Melaka sahaja berlaku, tetapi teguran Ketua Audit Negara dalam laporannya di setiap tahun di mana untuk satu kilometer jalan bernilai berjuta-juta Ringgit. Di sini saya ingin....

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh, itu out of order.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: fasal dia menyentuh hal negeri, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. [*kepada Tuan Lim Guan Eng*]

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah menteri yang berkenaan menjawabnya.

Tuan Lim Guan Eng: Dia kacau saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah pihak kementerian akan menubuhkan satu jawatankuasa pengawas projek penyelewengan jalan khas supaya kita dapat menjimatkan wang dan untuk mengelakkan skandal-skandal penyelewengan yang berleluasa bukan sahaja di negeri Melaka, tetapi juga di lain-lain tempat.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, jalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Melaka. Jadi, kalau ini halnya bererti bukan tanggungjawab kita. Namun yang demikian, Kementerian Kerja Raya memang bertanggungjawab untuk memastikan di mana-mana sahaja ada masalah seumpamanya yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya, kita sentiasa melakukan penyiasatan dengan feedbacks yang kita terima daripada pengarah-pengarah kerja raya negeri-negeri.

PERSIDANGAN PARLIMEN - PENAFIAN SIARAN LANGSUNG

4. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) mengapa media penyiaran milik kerajaan selalu membuat liputan dan menyiarkan secara langsung persidangan UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional dan bukan parti-parti pembangkang; dan
- (b) mengapa persidangan teragung iaitu persidangan Parlimen pula dinafikan siaran langsung.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) liputan oleh RTM yang dibuat semasa Perhimpunan Agung UMNO adalah berasaskan dasar bahawa majlis tersebut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan

Timbalan Perdana Menteri yang membuat ucapan menyentuh pelbagai aspek pentadbiran negara.

Dasar kerajaan dalam membuat liputan secara langsung oleh RTM ialah untuk mana-mana majlis rasmi kebangsaan yang dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. RTM tiada membuat liputan langsung persidangan mana-mana parti politik termasuk parti dalam komponen Barisan Nasional sendiri. Walau bagaimanapun, untuk persidangan yang ada nilai berita ianya akan dilaporkan oleh RTM dalam bentuk rakaman peristiwa tersebut dan tidak secara langsung.

- (b) perbahasan dalam Persidangan Dewan Rakyat/Dewan Negara tidak disiarkan secara langsung oleh RTM, tetapi sedutan persidangan tersebut adalah menjadi komponen utama dalam laporan siaran Berita Perdana jam 8.00 malam. Kajian RTM mendapati cara ini adalah lebih efektif bagi orang ramai mengikuti persidangan di Parlimen kerana program khas yang semata-mata menyiarkan perbahasan Parlimen secara langsung kurang mendapat sambutan, kerana ianya disiarkan di luar waktu perdana.

Kerajaan walau bagaimanapun menyiarkan secara langsung setiap Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Parlimen oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ucapan pembentangan Belanjawan dan persidangan-persidangan penting dari masa ke semasa.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan siaran langsung oleh media penyiaran, saya ingin mendapat tahu dari Setiausaha Parlimen mengapa siaran langsung Bola Sepak Piala Dunia dan juga pembukaan rasmi projek-projek raksasa seperti KLIA dan Kompleks Sukan Bukit Jalil turut disiarkan oleh bukan sahaja TV1, TV2, TV3 dan NTV7 juga sama-sama ada siaran langsung. Bukankah ini boleh mendapat satu persefahaman bahawa stesen-stesen TV ini cuma satu stesen sahaja menyiarkan dan giliran-giliran untuk lain-lain siaran langsung oleh stesen TV yang lain demi untuk menjimatkan perbelanjaan dan atau membayar fee kepada korporat-korporat yang berkenaan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada dua peringkat soalan ini. Yang pertama mengenai dengan siaran Bola Sepak World Cup. Siaran Bola Sepak World Cup ini kita adakan secara langsung, oleh kerana sedikit sebanyak kita telah berunding dengan pihak penaja di mana pihak penaja ini sanggup untuk membayar perbelanjaan untuk mengadakan siaran langsung.

Kita tidak menyekat mana-mana penyiaran sama ada TV1, TV3 mahupun MetroVision untuk mengadakan siaran bola sepak ini ditokok tambah oleh kerana kita juga ingin melihat agar rakyat di negara ini dapat menghayati permainan yang begitu diminati, bukan hanya oleh segelintir masyarakat di Malaysia, bahkan di dunia mendapat sambutan sedikit sebanyak, juga ia menerima sambutan dari pihak orang ramai.

Yang kedua mengenai dengan siaran langsung Perasmian Stadium Nasional. Seperti yang saya sebutkan tadi kerana ia melibatkan tokoh pimpinan negara kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka ianya menjadi satu

tanggungjawab dasar kerajaan untuk memberi liputan di mana acara-acara yang melibatkan pucuk pimpinan negara khususnya Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Demi untuk kepentingan negara dan juga untuk sambutan yang ramai, kenapa Kementerian Datuk Setiausaha Parlimen tidak cuba menyiar berita-berita dan juga peristiwa-peristiwa rakaman mengenai krisis DAP iaitu parti kawan saya dari Bagan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kangar itu, sebetulnya pihak media elektronik tidak membuat perkara itu, namun media cetak seperti *STAR* dan *New Straits Times* juga berita-berita yang lain membuat liputan. Namun ada pihak-pihak yang tertentu, walaupun kita membuat liputan, tentang keadaan porak-peranda macam bunyi KOKS - 'K-O-K-S', itu pun mendapat satu bantahan daripada pihak-pihak tertentu bahawa ini tidak adil liputannya. Kita amat kesal bilamana pihak-pihak ini membuat liputan tertentu tentang perkembangan di negara kita dan ada pula yang hendakkan supaya memutar belit keadaan.

PENGADANG CAHAYA MATAHARI (SUNSHADE) DI CERMIN KERETA - TINDAKAN TERHADAP PENGGUNA

5. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tentang keadaan kenderaan-kenderaan terutama kereta-kereta di jalan raya yang menggunakan pelekat pengadang cahaya matahari (sunshade) di bahagian cermin belakang kereta. Pengadang cahaya matahari ini menimbulkan masalah kepada pemandu yang mengekori di belakang, kerana ianya menghalang penglihatan lampu brek ketiga kereta di hadapan. Memandangkan keadaan ini berleluasa sekarang, apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak JPJ ataupun polis trafik bagi mengatasi masalah ini.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor Larangan Penggunaan Kaca Tertentu 1991, tidak membenarkan penggunaan atau pemasangan apa-apa bahan atau alat kepada kenderaan motor yang melindungi bahagian dalam kenderaan tersebut. Bagaimanapun adalah dibenarkan pelekat dipasang pada cermin hadapan sebanyak 20% daripada ukuran panjang cermin berkenaan. Dengan demikian adalah menjadi kesalahan sekiranya dipasang pelekat pengadang cahaya matahari yang menghalang penglihatan ke dalam kenderaan berkenaan.

Jabatan Pengangkutan Jalan dan polis boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang melakukan kesalahan di bawah kaedah berkenaan. Denda yang dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah ialah tidak lebih daripada RM500 atau penjara tidak melebihi dua minggu bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi sebulan bagi kesalahan kedua.

Bagi kes jika yang ditampal tadi menghalang dengan izin, third break light, yang ini akan dikaji oleh pihak kementerian untuk meninjau terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan diambil berkaitan dengan soalan yang dikemukakan. Bagi kes cermin gelap saya suka juga memberitahu pada tahun 1997 ini kita telah pun menguatkuasakan ataupun menangkap 2,333 kenderaan yang menggunakan tidak mengikut 'speck' yang telah ditetapkan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan di atas ketegasan mengambil tindakan kepada kenderaan-kenderaan yang menggunakan tinted glass, dengan izin. Sejumlah 2,333 saman telah dikeluarkan

pada tahun 1997, jadi saya ingin tahu adakah di antara 2,333 saman ini dikeluarkan kepada kenderaan-kenderaan milik negara asing iaitu Singapura dan Thailand, yang jelasnya kelihatan menggunakan tinted glass, dengan izin pada kereta-kereta mereka. Di samping itu adakah kebenaran telah diberikan kepada bas sekolah, bas kilang, bas persiaran, bas ekspres untuk menggunakan tinted glass ini dan kalau ada, adakah ianya menyeluruh kepada kenderaan-kenderaan KPA yang berkenaan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan cermin gelap ini tertakluk kepada semua kenderaan termasuk bas ataupun kereta. Jadi, jika ada yang menggunakan lebih daripada had, tindakan yang sama akan diambil. Berkaitan dengan kereta Singapura, kita memang telah menyaman beberapa kereta Singapura. Bagaimanapun, saya tidak pasti sama ada terlibat cermin gelap ataupun tidak. Jika perlukan angka ini saya akan beritahu kemudian.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri. Saya menyanjung tinggi penjelasan yang diberi oleh Timbalan Menteri berhubung dengan pengharaman menggunakan sunshade ini tadi tetapi kenyataannya masih banyak, bukan sahaja di Kuala Lumpur, di Langkawi, Pulau Pinang, Johor tetapi juga di seluruh Sarawak saya sudah pandu kereta dari Kuching sampai ke Miri belum lama dahulu, nampak sun shade ini yang portable itu boleh lekat macam itu diambil balik sementara itu masih banyak diguna oleh pemandu-pemandu. Bahkan, dua hari lepas saya nampak kereta pergi macam ini, macam ini. [*menggayakan dengan tangan*] Bila saya cakap apa kereta macam ini, pemandu yang ikut saya itu dia kata “dia caressing one another, Yang Berhormat” katanya. Jadi, kita tidak boleh nampak di dalam itu oleh kerana gelap sangat – yang sunshade yang sama besar dengan glass itu.

Jadi, soalnya adakah kementerian bercadang untuk membuat satu pengumuman berhubung dengan pengharaman ini kerana ada misconception di sini mengatakan iaitu plastik yang dilekat di glass itu sahaja yang haram tetapi yang sunshade ataupun curtains dan sebagainya benda-benda lain yang dipasang di kereta itu tidak diharamkan. Jadi, saya berharap pihak kementerian, kalau belum, kalau tidak bila kementerian hendak buat satu

pengumuman pengharaman ini dan arahan kepada pihak polis untuk mengambil tindakan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memasang kelambu ya, tidak termasuk di dalam kaedah yang dilarang. Kerana itu memang ada kereta yang memasang kain langsir untuk menghalang panas tetapi tidak banyak, ada beberapa kereta sahaja yang menggunakan. Jika tiba satu ketika hingga mengganggu pemandangan menyeluruh, maka kementerian mungkin boleh menimbangakan tindakan-tindakan yang wajar diambil tetapi sehingga kini terlalu sedikitlah kereta-kereta yang menggunakan langsir.

Berkaitan dengan keadaan di Sarawak, saya dapati orang Sarawak langgar juga peraturan cermin gelap ini tetapi tidak banyaklah. Tahun 1996 – 27 pemandu, tahun 1997 – 209 pemandu. Negeri yang terbanyak sekali melanggar peraturan adalah Pulau Pinang 496 pada tahun 1997 dan keduanya Perak 426. Yang kurang sekali melanggar peraturan adalah negeri Perlis – 2 kes sahaja. *[Sorak]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

tidak hadir.]

MoU DENGAN NEGARA CHINA - JUMLAH

7. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah MoU yang telah ditandatangani dengan syarikat-syarikat di negara China dan jumlah yang berjaya dan tidak berjaya; dan apakah halangan yang membawa kepada kegagalan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 73 MoU telah ditandatangani dengan disaksikan oleh pemimpin-pemimpin negara di antara syarikat-syarikat tempatan dan syarikat-syarikat di negara China semenjak tahun 1993 hingga 1996. Daripada 73 MoU yang telah ditandatangani itu, sebanyak 59 MoU berjaya dilaksanakan dan 14 gagal dilaksanakan. Di antara halangan-halangan yang membawa kepada kegagalan tersebut ialah

- (i) masalah rundingan di antara kedua-dua pihak;

- (ii) syarikat-syarikat dari Malaysia gagal mendapatkan wang modal untuk menjalankan perniagaan seperti yang dijanjikan;
- (iii) syarikat Malaysia berminat untuk menjual lesen ataupun permit yang diperolehi kepada pihak ketiga;
- (iv) birokrasi dan undang-undang di negara China terlalu rumit dan proses mendapat kelulusan bagi projek memakan masa yang terlalu lama;
- (v) keputusan kajian kemungkinan yang menunjukkan projek tidak menguntungkan;
- (vi) pelanggaran perjanjian oleh syarikat China yang gagal mendapatkan permit seperti yang ditetapkan;
- (vii) matlamat syarikat Malaysia dan matlamat rakan perniagaan berbeza. Apabila persetujuan tidak tercapai, projek berkenaan terpaksa diberhentikan;
- (viii) ada kalangan syarikat Malaysia mempunyai pengurusan yang tidak mahir dalam selok belok perniagaan. Kelemahan ini menyebabkan projek itu menghadapi pelbagai masalah dan kesulitan yang telah menggagalkan pelaksanaannya;
- (ix) perubahan undang-undang tempatan mengenai sektor perjudian.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apakah kesan kejatuhan mata wang negara China Renminbi ke atas MoU atau perdagangan di antara Malaysia dan negara China dan apakah persediaan atau tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kejatuhan nilai mata wang China itu kerana kemungkinan perdagangan akan menurun.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada kena mengena dengan soalan asal iaitu berkenaan dengan MoU yang ditandatangani. Walau bagaimanapun, saya tidak tahu sama ada Renminbi telah pun jatuh nilainya. Setakat yang saya tahu masih tetap di tahap yang lama dan pihak kerajaan China telah pun, dengan perundingan dengan Bill Clinton seperti mana yang diumumkan dalam CNN, masih mengatakan bahawa setakat mana yang saya tahu Renminbi tetap akan pada tahap yang ada sekarang ini. Jadi, apabila jatuh besok saya rasa kesannya

boleh jadi barangan yang dieksport dari negara Malaysia ke negara China akan berkurangan oleh kerana harga di peringkat pasaran kalau dibandingkan Ringgit dengan Renminbi akan meningkat.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat baru kementerian bagi syarikat tempatan yang hendak menandatangani MoU dengan syarikat-syarikat dari negara China berikutan kegagalan MoU terdahulu?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, MoU adalah satu instrument yang ditandatangani oleh dua pihak yang ingin menjalankan sesuatu projek mahu pun mendapatkan sesuatu proses penswastan dan sebagainya. Jadi, setakat yang saya tahu kerajaan tidak ada mengenakan syarat-syarat tertentu sebab ini di antara dua pihak yang berlainan antara pihak dari Malaysia dan juga pihak dari negara China. Kegagalan seperti yang saya nyatakan tadi ialah oleh kerana 9 faktor yang telah saya nyatakan tetapi kalau kerajaan hendak menentukan mesti ada syarat-syarat tertentu, saya rasa selagi ianya tidak menyalahi dari segi undang-undang kedua-dua buah negara, saya rasa tidak ada masalah.

FUND FOR FOOD –JUMLAH PETANI PENGUSAHA DAN SYARIKAT YANG MENDAPAT FAEDAH PINJAMAN

8. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah petani pengusaha dan syarikat yang telah mendapat faedah pinjaman daripada tabung makanan (3F – Fund for Food) sejak ia ditubuhkan hingga sekarang mengikut jenis-jenis tanaman, buah-buahan, ternakan dan ternakan ikan bagi tempoh yang sama; dan
- (b) adakah pihak Kementerian Pertanian Malaysia bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman di bawah peruntukan Tabung Makanan (Fund for Food) seperti yang terdapat sekarang di mana setiap peminjam dikenakan cagaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan Yang Berhormat Hulu Terengganu dan Yang Berhormat Tanah Merah serentak memandangkan soalan-soalan tersebut adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Untuk Makanan (TUM) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dana permulaan sebanyak RM300 juta dengan tujuan untuk membiayai aktiviti-aktiviti pengeluaran makanan sebagai salah satu usaha menambahkan bekalan makanan. Dana tersebut telah ditambah sebanyak dua kali dengan nilai RM700 juta menjadikan keseluruhan TUM berjumlah RM1 bilion. Sehingga 30 Jun 1998, sejumlah sebanyak RM336.9 juta di bawah TUM ini dengan bilangan 1,187 permohonan telah diluluskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pinjaman TUM memerlukan cagaran. Walau bagaimanapun, bagi pinjaman tambahan di bawah TUM berjumlah RM300 juta yang disediakan khusus untuk individu, pertubuhan peladang, persatuan nelayan dan pertubuhan koperasi, kelonggaran syarat cagaran akan dipertimbangkan bagi individu atau kumpulan individu yang mengambil bahagian dalam projek-projek kelolaan jabatan ataupun agensi di bawah Kementerian Pertanian.

Selain daripada itu, tempoh pembiayaan telah dipanjangkan daripada 5 tahun kepada 8 tahun manakala kadar faedah telah diturunkan daripada 7.75% kepada 4%. Walaupun dengan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi telah diambil, sambutan orang ramai untuk menggunakan TUM ini masih kurang daripada yang diharapkan. Publisiti untuk memperkenalkan TUM kepada rakyat telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian. Untuk itu bagi menarik lebih ramai rakyat menyertai skim ini jumlah minimum pinjaman juga telah diturunkan daripada RM50,000 kepada RM10,000 untuk memberi banyak peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil khususnya kaum bumiputera.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun banyak dana telah dikeluarkan, namun masih ramai orang kampung tidak tahu dan tidak mendapat faedah daripadanya. Jadi, bagi TUM ini nampaknya syarat-syarat agak ketat, apakah syarat-syaratnya yang mungkin diperlonggarkan setelah mendapat peruntukan tambahan dan setakat ini sektor manakah yang paling ramai sekali mendapat pinjaman?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kerajaan lakukan sekarang, apabila saya membuat lawatan di peringkat negeri dan daerah,

ramai mengatakan bahawa dana ini tidak sampai ke peringkat akar umbi. Jadi, kita telah pun berbincang dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan telah pun mengadakan satu buku khas di mana kita ada sebanyak 31 dana yang kita buat dan dana ini bolehlah nanti Ahli-ahli Yang Berhormat kalau membuat lawatan ke Kementerian Pembangunan Usahawan, buku ini boleh diberikan kepada Ahli Yang Berhormat untuk disampaikan kepada penyokong-penyokong Yang Berhormat di peringkat bawah.

Syarat-syarat pinjaman yang telah ditetapkan untuk TUM ini ialah pembiayaan di bawah skim ini ditawarkan kepada syarikat milikan Malaysia. Jadi, yang besar-besar pun kalau ada pemiliknya 51% warganegara boleh meminjam. Yang keduanya, menyediakan pembiayaan sebanyak 90% daripada kos projek dan ketiganya, semua projek sederhana dan bersaiz besar bagi pengeluaran makanan utama akan diutamakan termasuk makanan laut, sayur-sayuran, ternakan dan sebagainya. Setiap projek hendaklah tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM3 juta.

Untuk soalan yang seterusnya mengenai sektor-sektor ternakan, kita ada 474 permohonan; telah diluluskan sebanyak 39.9%, tanaman 210 (17.7%), perikanan 105 (8.8%), pemprosesan makanan 391, projek 33%, pemasaran dan pengedaran 7, projek yang diluluskan sebanyak 0.6%. Jadi, jumlah permohonan yang diluluskan ialah sebanyak 1,187.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa 'Food For Fund' ini ada satu bidang yang tidak boleh buat permohonan iaitu bidang menternak babi atau khinzir. Kalau begitu bukankah ini satu kerugian besar kepada negara ini oleh kerana ini adalah satu industri yang besar yang boleh mendapat export earnings yang besar, mungkin beratus-ratus juta ringgit dan bolehkah Yang Berhormat memberi sebab ada diskriminasi ini, sama ada kerajaan boleh kaji semula dan kalau tidak ada pengecualian, apakah angka-angka mengenai Food For Fund dalam bidang ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Sebenarnya tidak benar kerana Yang Berhormat tanyakan Food For Fund.

Tuan Lim Kit Siang: Fund For Food.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ha, Fund For Food ya. *[Ketawa]* Jadi, kalau Food For Fund tidak benar. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Fund For Food supaya boleh ada food.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana projek ini mesti mempunyai cagaran dan pihak bank melihat dari segi cash flow dan sebagainya. Oleh kerana pertanian ini baik perikanan, ternakan dan sebagainya mengandungi risiko-risiko yang tinggi dan oleh kerana itu terpulung kepada bank. Kalau hendak ternak kambing, hendak ternak ayam pun kalau memohon kepada bank, bank akan melihat projek itu sama ada viable ataupun tidak. Jadi, kalau misalnya ternakan-ternakan atau projek itu tidak viable, misalnya, akan ada penyakit dan sebagainya, itu terpulung kepada bank yang berkenaan untuk meluluskannya dan setakat ini saya belum dapat menerima laporan lagi bahawa khinzir tidak dibenarkan.

TLDM – PENGAMBILAN REKRUT

9. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) pada pengambilan rekrut yang terkini oleh TLDM berapa jawatan telah ditawarkan serta bilangan permohonan yang telah diterima; dan
- (b) apakah nisbahnya, mengikut kaum di antara pemohon yang telah ditawarkan dan adakah calon perempuan di antara mereka yang telah dipilih.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah jawatan yang telah ditawarkan adalah sebanyak 350. Sebanyak 1,206 permohonan telah diterima dan dari jumlah tersebut, seramai 324 calon telah disenarai pendek (shortlisted) untuk memasuki TLDM.

- (b) Nisbah mengikut kaum adalah seperti berikut:

Melayu	- 150
India	- 2
Cina	- 1

Lain-lain Bangsa - 10

Bagi tahun ini tiada calon perempuan yang diambil untuk bertugas di dalam TLDM.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita mendengar Menteri mengatakan pelajar daripada Institut Kementerian Pertahanan lari dengan menggagalkan diri sendiri dalam peperiksaan. Jadi, dalam tentera laut ini juga saya faham iaitu peperiksaan akhir pun dibuat juga. Kalau orang itu tidak lulus dengan sendirinya secara automatik tidak akan diserapkan di dalam perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia. Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berapa banyakkah rekrut yang telah diterima oleh pihak kementerian menjalani latihan dan didapati telah tidak lulus di dalam peperiksaan akhir dan akhirnya tidak diserapkan ke dalam Tentera Laut Diraja Malaysia?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini agak terkeluar sedikit daripada soalan asal dan juga ia melibatkan angka-angka yang khusus, saya perlu notis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian mengenalpasti sebab-sebab mengapa kaum seperti kaum Cina dan India tidak berminat untuk memasuki TLDM?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian telah dapat mengenal pasti tiga sebab pokok. Pertamanya, bidang swasta lebih menjadi tarikan yang kuat kepada mereka yang ada untuk bekerja berbanding dengan tarikan yang wujud dalam Kementerian Pertahanan sebab dengan gaji yang lebih, dengan latihan yang tidak begitu teruk. Jadi, itu hingga kinilah tetapi sebaliknya pula selepas kita mengalami kegawatan ekonomi ini yang mana peluang di swasta agak berkurangan, mungkin akan menarik lebih ramai lagi untuk masuk dalam kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan.

Keduanya ialah berkenaan penerapan nilai-nilai patriotisme dan nilai nasionalisme tidak dapat ditanamkan dengan secara menyeluruh di peringkat sekolah-sekolah rendah, menengah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi. Yang ini perlu kita lipat

gandakan agar mereka sanggup mengorbankan tenaga mahupun jiwa untuk mempertahankan negara dan tidak akan menimbulkan masalah tentang latihan teruk, disiplin tinggi dan sebagainya.

Yang ketiganya ialah mungkin penonjolan imej tentera itu tidak sehebat dibandingkan dengan lain-lain penonjolan dari segi kerjaya dan juga mungkin pendedahan umum juga berkurangan. Pihak Kementerian Pertahanan telah banyak membuat pelbagai langkah untuk menyebarkan dengan lebih luas berkenaan dengan publisiti mahupun pendedahan agar masyarakat umumnya lebih berminat menyertai Kementerian Pertahanan.

KRISIS MATA WANG DAN CAMPURTANGAN POLITIK LUAR NEGARA – USAHA KERAJAAN

10. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha kementerian membantu kerajaan menghadapi ancaman luar negara berhubung dengan krisis mata wang dan campurtangan politik luar negara.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kegawatan ekonomi yang Malaysia hadapi sekarang adalah berpunca daripada kegiatan-kegiatan spekulatif ke atas mata wang Ringgit yang mana telah mengakibatkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia. Kemerosotan dan kelembapan pasaran saham telah memburukkan lagi keadaan. Pada masa ini tiada ketelusan di dalam pasaran jual beli mata wang kerana ketiadaan satu badan dunia khusus yang berperanan mengawal kegiatan jual beli mata wang. Justeru itu kerajaan berpendapat perlunya diwujudkan satu mekanisme antarabangsa yang boleh berperanan memantau dan mengawalkan pasaran jual beli mata wang.

Jadi, sehubungan dengan ini juga pihak kerajaan mendesak institusi-institusi kewangan antarabangsa termasuk Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa supaya mempercepatkan kajian semula sistem kewangan dunia dengan matlamat memastikan aliran modal jangka pendek dapat menyokong perkembangan perdagangan dan pembangunan.

Bagi kita mencapai matlamat-matlamat seperti yang dinyatakan di atas, Kementerian Luar Negeri akan terus memainkan peranan aktif di forum-forum antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa, ASEAN, Pertubuhan Komanwel, Forum Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Kumpulan 15, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) bagi menyuarakan pendapat dan juga pendirian kita. Di samping itu pandangan-pandangan dan pendirian negara kita Malaysia juga disampaikan kepada pemimpin-pemimpin dunia setiap kali kita berpeluang berdialog dan mengadakan perbincangan dua hala dengan mereka.

Selain daripada usaha-usaha yang dijelaskan di atas, Kementerian Luar Negeri telah mengarahkan kedutaan-kedutaan kita di luar negara melipatgandakan usaha-usaha mereka memberi penerangan dan gambaran sebenar keadaan yang berlaku di Malaysia serta dasar-dasar dan pendirian kerajaan mengenai isu-isu di atas. Sasaran penjelasan ini juga meliputi pihak-pihak swasta dan juga pelabur-pelabur asing bagi menyakinkan mereka untuk terus melabur di Malaysia. Penerangan dan penjelasan yang diberikan ini juga bertujuan untuk menangkis laporan-laporan negatif di media-media asing mengenai keadaan di Malaysia yang sering diputarbelitkan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini satu perkara yang sering berbangkit ialah mengenai caruman rakyat Malaysia di Singapura dalam CPF. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah peranan kementerian Yang Berhormat untuk membantu rakyat Malaysia supaya dapat mengeluarkan wang yang telah dicarumkan kepada CPF supaya membantu negara kita menangani masalah kegawatan ekonomi?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini, walaupun terkeluar daripada soalan asal saya ingin menyatakan bahawa selain daripada pendirian-pendirian dan teguran yang telah dinyatakan oleh kerajaan dan Kabinet kita, Wisma Putra atau Kementerian Luar Negeri adalah mengambil tindakan dan juga usaha-usaha untuk berbincang secara dua hala dengan kerajaan atau pihak Kementerian Luar Negeri Singapura mengenai perkara ini dan kita sentiasa berharap akan dapat satu penyelesaian atas isu-isu yang masih belum kita selesaikan di antara dua negara ini.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada menyuarakan pandangan-pandangan di forum antarabangsa mengenai dengan isu-isu semasa. Saya tidak lihat inisiatif oleh pertubuhan antarabangsa seperti OIC, G7, Komanwel mempertingkatkan pelaburan mereka atau memberi pinjaman kepada negara kita semasa kita menghadapi masalah ekonomi. Adakah ini disebabkan kita tidak berusaha ke arah tersebut atau kita tidak mencadangkan kepada mereka supaya mereka dapat membantu kita?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita dapat nampak usaha-usaha dalam forum-forum antarabangsa khususnya di peringkat ASEAN, negara kita dengan negara Filipina pun telah mencari satu usaha di mana perjalanan perdagangan antara dua negara di dalam ASEAN dapat berjalan dan berterusan dan usaha-usaha ini dalam cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menggunakan sejauh mana dapat kita menggunakan mata wang-mata wang dalam ASEAN ini untuk perdagangan. Keduanya juga dalam badan OIC ahli-ahlinya telah juga berusaha dan bersetuju untuk mencari jalan di mana ia dapat membantu dari segi pelaburan atau mana-mana usaha yang dapat membantu negara ahlinya seperti Malaysia dan Indonesia untuk mengatasi masalah kegawatan kewangan pada masa kini dan inilah perkara-perkara yang telah diusahakan di peringkat antarabangsa dan lagi banyak dalam senarai itu usaha-usaha di mana tujuan dan usaha ini adalah bergantung kepada perkara-perkara di mana perlu dibincangkan di peringkat pegawai (official) di mana persetujuan dengan perkara-perkara yang lebih mikro untuk menjalankan bantuan-bantuan dan juga cadangan ini.

RUMAH PANJANG – PERALATAN PEMADAM API

11. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bersedia untuk memberi peralatan pemadam api untuk penduduk rumah panjang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, pembekalan alat pemadaman api kepada rumah panjang

adalah terkeluar dari jenis bantuan yang diberi oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat. Oleh yang demikian jabatan itu tidak ada program untuk memberi alat pemadam api untuk penduduk di rumah panjang. Adalah disyorkan wakil-wakil rakyat berkenaan berikhtiar mendapatkan alat ini daripada pihak-pihak yang sanggup mendermanya.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, masyarakat tempatan sentiasa digalakkan untuk mewujudkan pasukan bomba sukarela oleh kementerian Yang Berhormat. Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian Yang Berhormat menyediakan peruntukan untuk membantu pasukan-pasukan bomba sukarela dan cara untuk mendapatkan bantuan daripada kementerian Yang Berhormat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, memang ada program dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk membekalkan alat-alat asas seperti pam angkut dan hose bagi pasukan-pasukan sukarela yang tertubuh. Untuk usaha ini pihak jabatan sedia mencadangkan kalau ada kawasan-kawasan yang belum ada balai bomba, pihak wakil rakyat boleh berhubung dengan pihak pegawai kanan di negeri masing-masing supaya pasukan bomba ini boleh ditubuhkan dan kita akan berusaha untuk membekalkan jentera yang saya sebut tadi iaitu pam dan hose bagi ahli-ahli pasukan bomba sukarela tersebut.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah latihan pencegahan kebakaran telah dijalankan di kawasan rumah panjang di Sarawak?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah sebagai salah satu kerja atau usaha balai-balai bomba yang berada di seluruh negara untuk memberi latihan kepada mana-mana pihak – pihak jabatan, pihak bangunan membeli-belah, sekolah dan sebagainya dan ini termasuk AJKK di kampung dan usaha ini sebab kita mendapat banyak permohonan, maka apabila permohonan ini diterima pihak anggota bomba ini atau pegawai bomba ini cubalah menyampaikan ke kawasan-kawasan tersebut atau ke mana-mana pihak yang meminta latihan ini dan kita haraplah dapat memperluaskan lagi usaha ini di masa akan datang.

12. Tuan Lau Ngan Siew (Sandakan) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada kerajaan akan bercadang mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap nelayan-nelayan di Sabah yang menggunakan bom ikan yang haram untuk menangkap ikan yang semakin meruncing. Berapa banyak kes tersebut telah dikesan dan dibawa ke mahkamah di antara Januari 1996 hingga Julai 1998.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memandang berat terhadap kegiatan mengebom ikan di perairan Sabah dan Jabatan Perikanan akan terus mengambil tindakan yang tegas ke atas kegiatan seperti ini. Di bawah Seksyen 25(b) Akta Perikanan 1985 telah memperuntukkan hukuman bagi kesalahan di atas, iaitu denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit sahaja atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Hukuman tersebut adalah difikirkan memadai dan apabila kes seumpama ini di bawa ke mahkamah, terletak kepada budibicara mahkamah untuk menjatuhkan hukuman yang sewajarnya.

Statistik kes tangkapan yang telah dibuat dan dibawa ke mahkamah di antara Januari 1996 hingga Julai 1998 adalah seperti berikut:-

<u>Tahun</u>	<u>Bil. Kes</u>	<u>Bil. Orang Kena Tuduh</u>
1996	5	14
1997	3	10
1998 (hingga Julai)	8	15
	-----	-----
Jumlah :	16	39
	-----	-----

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen di antara kes-kes yang tertangkap sejak dahulu sampai hari ini, saya ingin tahu sama ada berapa ramaikah di antara

kes-kes tersebut yang melibatkan pendatang haram yang merupakan dalang yang sebenarnya menggunakan bom apabila menangkap ikan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Jawapannya Yang Berhormat, kes-kes seperti yang telah dikatakan tadi ialah melibatkan semua tetapi sama ada kes ini melibatkan pendatang haram tetapi yang telah di tangkap ialah 19 kes yang melibatkan 13 orang tetapi tidak tahulah, saya akan memberi jawapan bertulis.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang melakukan bom untuk menangkap ikan dikenakan hukuman itu tidak cukup, bagaimana pula jikalau penjaja-penjaja di pasar jikalau mereka menjual ikan hasil dari menggunakan bom di mana selalunya perut ikan akan pecah dan hancur itu dapat dikesan dan mereka juga boleh disabit kerana bersama-sama melakukan satu kesalahan di mana mereka boleh dihukum dan ini akan menghalang ikan hasil dari penggunaan bom itu berada di pasaran.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kiranya mereka menjual ikan yang telah dibomkan itu, saya pun kurang pasti disebabkan ikan itu sama saja di antara penggunaan bom dan tidak – sama sahaja. Kalau ikan itu pecah perut, itu perkara biasa, jadi itulah. Kalau ada kes-kes yang tertentu yang didapati kita akan ambil tindakan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Pertanyaan No. 6 dan 13 hingga 71 akan dijilid dalam buku berasingan].

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN DANAHARTA NASIONAL BERHAD 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[15 Julai 1998]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rompin, sila sambung ucapan.

3.35 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan Rang Undang-Undang DR.17/98 – Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Seperti yang saya katakan semalam bahawa usaha ini merupakan salah satu usaha yang banyak yang telah dikemukakan oleh kerajaan untuk mengukuhkan sistem kewangan negara. Syabas diucapkan kepada kementerian khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Harapan kita ialah dengan tindakan ini ia akan memulihkan keyakinan dan seterusnya juga membetulkan, membawa kembali ekonomi negara kita seperti biasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah lihat, tadi saya ada mengatakan bahawa ini merupakan salah satu usahanya, banyak usasha-usaha yang lain telah dilaksanakan oleh kerajaan. Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan baru-baru ini dilancarkan RM5 bilion dana khas untuk prasarana. Selepas itu pada masa yang sama dilancarkan juga satu dana khas RM7 bilion dan RM7 bilion ini meliputi semua – yang luar bandar, untuk pendidikan, untuk pertanian, untuk kesihatan, pembasmian kemiskinan semuanya ada, ini usaha baik kerajaan.

Oleh kerana itu kita mengucapkan syabas, dalam suasana kita susah, negara menghadapi masalah ekonomi, namun demikian kerajaan cuba membantu kepada semua, ini penting. Kita agak hairan, Tuan Yang di-Pertua, mengapa DAP tidak ada kerja lain, Teluk Intan tidak tahulah, tidak ada idea, tidak ada cadangan yang positif, nampak-nampak gaya DAP macam dahulu, hanya mementingkan politiknya, ‘survival’nya tidak kira apa juga berlaku dan kena kepada negara, kerana survival DAP, kerana survival Lim Kit Siang apa jua, Tanjong apa jua.

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya belum habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun ya.

Tuan M. Kulasegaran: Point of order 36(6)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya rasa, kalaulah benar-benar ...

Tuan Yang di-Pertua: Dia sebut, point of order, Yang Berhormat, sila.

Tuan M. Kulasegaran: Menggunakan nama anggota Parlimen adalah bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 36(6).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tarik balik - kata Tanjong.

Tuan M. Kulasegaran: Tarik balik!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya kata Tanjong, saya tidak kata Lim Kit Siang, mula-mula tersasul – tarik balik. Itu bukan isunya, hendak kacau saya sahaja – KOKS itu tak apa.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, menggunakan nama ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya sudah tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi KOKS saya tak tarik balik.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan, apa itu KOKS?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya akan ulaskan kemudian, mungkin Teluk Intan hendak beri makna apa tu KOKS, saya beri peluang

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya akan teruskan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan ... bermakna dalam suasana yang begini, negara menghadapi ekonomi yang genting, mengapa tidak kita satukan semua rakyat, semua parti dalam negara ini kerana menghadapi agenda ini. Ini penting kerana perpaduan rakyat itu merupakan pra-syarat kalau kita mahu mengembalikan keyakinan kepada negara kita, mengembalikan keyakinan kepada ekonomi kita. Oleh kerana itu, DAP janganlah cuba cara lama macam semalam. Saya tidak kata ini menghasut, nampak-nampak ada unsur-unsur menghasut, benar tidak benar tidak tahu, unsurnya ada – dikatakan kononnya kerajaan akan menggunakan duit EPF, selewengkan duit EPF untuk usaha-usaha bail out syarikat-syarikat yang rugi. Ini buruk sangka ...Larut betul....

Ini tidak benar, lepas itu juga dia sanggup pula panggil semua pencarum-pencarum ini bangkit dan buat satu - mungkin demonstrasi - saya tidak tahu. Itu sanggup dibuat demonstrasi tetapi demonstrasi yang dibuat kepada dia, dia tidak demokratik. Dalam sejarah belum ada demonstrasi kepada pimpinan DAP di Parlimen, di luar Parlimen – mana ada? Ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa DAP kena ubah suai DAP yang muda-muda, adakah tidak sampai masanya DAP ubah caranya mengikut peradaban Malaysia kita, satu bangsa Malaysia mementingkan negara, bukan kepentingan-kepentingan yang lain. Mungkin Teluk Intan, mengapa tidak ubah haluan DAP ini supaya bersama-sama dengan kita mengembalikan keyakinan kepada kerajaan dan negara.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya pelapis-pelapis muda dalam DAP ini, perubah buang ketuanya dari Tanjong dan ganti yang baru – Teluk Intan boleh ambil alih, saya kira layaklah walaupun dia tak cerdik sangat tapi layaklah. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Point of order, Tuan Yang di-Pertua, ini satu sangkaan jahat. Ini bukan kali pertama digunakan perkataan macam ini, saya pohon agar dia meminta maaf dan menarik balik perkataan yang tidak senonoh digunakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Teluk Intan, mengapa sensitif sangat - di belakang ini ada kaunselor-kaunselor, betul ya kaunselor? Tolong bagi kaunsel kepada Teluk Intan ini, dia terlalu sensitif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Yang Berhormat, saya masih tunggu penjelasan tentang KOKS itu, apa maknanya? Kerana ada orang kata “Kick Out Kit Siang”

atau “Knock Out Kit Siang” atau “Kick Out Karpal Singh” atau “Kick Out Kulasegaran”? Saya pun tak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cubalah berucap balik, jangan menyeleweng banyak sangat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kita hendak memulihkan ekonomi, untuk memulihkan ekonomi ini banyak usaha telah dibuat oleh kerajaan. Bill ini merupakan antara instrument, dengan izin, usaha-usaha hendak memulihkan ekonomi negara. Tetapi pra-syarat ini menyatukan bangsa, perpaduan sesama rakyat tetapi politik DAP ini, sebab itu saya hendak merayu, Tuan Yang di-Pertua, sebab ini penting. Kalau kita tidak bersatu orang akan menuduh kita, tidak bersatu, tidak mungkin kita akan memulihkan ekonomi negara kita. Ini saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, dilaungkan DAP human right, dilaungkan keadilan, dilaungkan transparency, reformasi, letakkan kepentingan negara lebih daripada kepentingan politik biasa.

Tapi saya hendak baca satu ulasan, Tuan Yang di-Pertua, pada penganalisa politik negara tentang politik negara kita. Saya hendak baca ceritanya, ini ulasan, Tuan Yang di-Pertua, sebab semalam dia baca ulasan Tan Sri Musa – dia selewengkan kata-kata itu. Dia kata, selepas DAP menimpa kekalahan yang paling teruk dalam sejarah perjuangan DAP pada pilihan raya 1995 telah menyebabkan perjuangan dalaman semakin ketara khususnya di antara generasi muda dan veteran, penganalisa politik kata begitu. Sebelum ini di kalangan pemimpin veteran DAP banyak di antara mereka tidak begitu senang dengan Tanjong kerana sedaya upaya mereka untuk menonjol anaknya. Ini kata penganalisa politik ini – kepada ahli veteran, usaha Tanjong untuk menaikkan imej dan ketokohan

Tuan M. Kulasegaran: Point of order..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Point of order berapa?

Tuan M. Kulasegaran: 36(1) – Isu-isu cakapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan dan kalau boleh ucaplah berkenaan dengan bill ini.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak ada kena-mengena, tidak cukup masa ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okey, saya ubahsuai, Tuan Yang di-Pertua. Kita mahu semua rakyat bersama kita sebab yang penting bukannya Barisan Nasional tetapi yang pentingnya ialah negara. Mengapa tidak buktikan bahawa DAP berdemokratik, ada transparency dan yang paling pentingnya meletakkan kepentingan negara teratas daripada semua. Tetapi yang kita bimbang, apa yang berlaku dalam DAP ini lain, cakap tidak serupa bikin.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, 4 hari telah diberi bill – dia kata tidak cukup masa, sebenarnya 4 hari itu dia sibuk dengan Kangaroo Court untuk hendak membuang orang. Bermakna dalam DAP sendiri tidak ada demokrasi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan dengan bill Yang Berhormat – cukuplah ya. Cukuplah tu, kalau bubuh garam banyak-banyak sangat pun dia tidak boleh makan ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, kita minta DAP ini ubahlah. Bila cakap bikin apa yang dicakap. Jangan mementingkan politik macam sekarang kepimpinan Lim Kit Siang, Tanjong, minta maaf, kalau dalam DAP sendiri tidak boleh menyatupadukan dalam DAP, bagaimana kita dapat membantu bersama menyatu padukan dalam negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada perkara tentang bil ini. Tidak apa ada masa lain saya sambung.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena bangun pula.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin buat rumusan kepada apa yang dibangkitkan oleh saudara saya dari Rompin. Saya ingin bertanya pernahkah parti pembangkang menyokong sesuatu usul walaupun baik untuk rakyat di negara ini. Sebab kita tengok kalau mereka menyokong sesuatu usul

maknanya, kita takut sebab mesti ada disebaliknya. Sebab masuk penggal yang kedua saya belum pernah mendengar sesuatu usul yang baik disokong oleh pembangkang. Jadi, bila sesuatu usul itu dibangkang maknanya usul itu baik untuk rakyat dan negara. Jadi adakah Yang Berhormat setuju bahawa jika usul ini dibangkang dengan hangatnya oleh pihak pembangkang adalah satu usul yang baik untuk kepentingan bangsa dan negara.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bersetujulah. Saya ingin berbalik, dalam kita memulihkan ekonomi negara ini keyakinan itu betul. Keyakinan perpaduan rakyat kita. Saya hendak membawa isu ini, ini ada tuduhan yang kita dengar di kalangan DAP juga bahawa kita dengar ada satu 'tangan hitam' (black hand). Adakah agenda-agenda tertentu dalam DAP memang sengaja tidak mahu menyokong agenda ekonomi negara ini untuk memulihkannya kerana kita takut, sebab jangan lupa bagaimana sejarah DAP. Sejarah DAP adalah daripada PAP, ini orang kata saya bukan tuduh.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita banyak sangat dengar negara jiran itu apa yang kita buat semuanya tidak betul. KLIA dikritik, hari-hari fak saya terima apa yang kita buat semuanya tidak betul. Ini macam mana? Saya belum dengar lagi Tanjong, DAP mengutuk tindakan negara jiran yang menuduh kita ini, banyak benda ini. *[Tepuk]* Mengapa tidak, kalau kita sanggup meletakkan kepentingan negara lebih daripada parti walaupun DAP ada hubungan sejarah tradisional dengan PAP, mengapa tidak kita keluar dan buat satu kenyataan? Kita lebih Malaysia daripada orang lain, sebagai contoh, membuktikan ketaatan kita, saya bukan kata tidak taat tetapi keluar dari mulut supaya tidak ada lagi tuduhan-tuduhan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik tentang akta ini, saya mengucapkan syabas kepada kementerian dan baru hari ini pula diedarkan satu nota atau satu usul. Ini lagi seronok usulnya. Ia dicadang dalam bahasa Inggeris, dengan izin, saya tidak bersetuju sebab itu saya hendak memberi ulasan sedikit. Dia suruh rang undang-undang ini ditambah dan dipinda 'one of the members.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, belum sampai masanya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, belum sampai. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada bil ini. Kita amat bangga bahawa bila dapat dikeluarkan

hutang-hutang dan aset yang bermasalah ini bahawa bank ini dapat dialihkan penyakitnya yang ada di badan-badan bank ini. Syabas, bila sekarang ini masalah pihak bank tidak ada liquidity dalam pasaran kerana bank bermasalah dengan hutang lapuk mereka. Kalau hutang lapuk ini dapat dikeluarkan macam penyakit kanser ini dikeluarkan daripada badan bank, bank dapat bergerak seperti biasa liquidity akan bertambah baik dan bank juga boleh menumpukan perhatian lembaga dan pengurusannya kepada perniagaan (business) yang sepatut dibuat iaitu mengeluarkan pinjaman dan menguruskan pinjaman. Syabas, harapan kita ini amat penting sekali kerana kalau ini tidak dapat diselesaikan perniagaan yang baik, yang viable akan mati, yang semput akan mati, yang baik akan sakit, yang sakit tidak akan baik, tetapi dengan harapan penyakit kanser ini dikeluarkan di bawah syarikat Pengurusan Danaharta Nasional ini, insya-Allah bank kita bergerak kembali dua kaki dan dua tangan.

Yang keduanya dalam aset-aset yang diambil ini sudah tentunya ada kepunyaan syarikat-syarikat yang dahulunya viable, perniagaan yang viable oleh kerana merudumnya pasaran saham, jatuhnya nilai wang kita perniagaan itu tidak lagi menjadi viable. Saya berharap juga dalam perundangan ini ada peruntukan, dengan izin, rehabilitate the asset. Ini amat penting bukan sekadar hanya untuk memulih dan membaiki bank tetapi pada masa yang sama, yang penting juga perniagaan-perniagaan yang sekarang ini bermasalah. Aset-aset yang dipunyai oleh perniagaan yang bermasalah sekarang ini akan diambil alih oleh Pengurusan Danaharta. Kalau boleh minta cuba pulihkan perniagaan itu supaya pekerjaan dapat diberi kepada mereka yang dibuang kerja dan syarikat itu dapat dipulih kembali dan dapat dieksport atau perniagaan mereka dimulakan.

Satu lagi perkara yang saya hendak sentuh, tentang bila bank-bank ini sudah baik pulih nanti. Kita juga minta mereka jangan lupa yang kecil kadang-kadang bila bank ini menghadapi masalah, bila masalahnya sudah selesai dia naik takut, bila naik takut dia hanya menumpukan kepada yang besar, yang akan membawa keuntungan sahaja. Kita minta supaya dana yang akan diperuntukkan kepada negara pada usaha ini besar RM20 bilion lebih kurang yang disebut. Minta juga bila bank ini dipulihkan nanti supaya bila mereka bergerak mesti diberikan arahan kepada mereka, dan mereka juga mesti membela

yang kecil dan sederhana. Tidak mahu nanti bila ia pulih, ia baik, ia hanya memainkan peranan, ia hanya.....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Rompin. Adakah benar bahawa selama ini bank-bank dagangan tidak membantu yang kecil-kecil apatah lagi apabila masalah NPL ini dihadapi oleh bank-bank berkenaan. Maka yang kecil-kecil ini dipinggirkan dan yang besar-besar sahaja diselamatkan. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Ketua Pemuda. Benar, harapan kita kalau dahulu kurang tumpuannya, mari tumpu kepada yang kecil-kecil. Saya hendak bawa satu contoh. Ini yang ada masalah, ini yang ESOS, yang kecil-kecil ini, dahulu bila sesuatu syarikat itu, syarikat kerajaan, agensi kerajaan diswastakan diberikan saham kepada pekerja-pekerja dipanggil the employment share option scheme (ESOS), dengan izin. Mereka ini beli saham pada RM4 ke RM5 dan sekarang telah merudum ke bawah. Mereka ini sudah di bawah NPL, bagaimana mereka ini? Mereka ini ada kepakarannya, mereka ini yang menguruskan syarikat-syarikat yang maju ini yang telah berjaya sebagai satu syarikat swasta, bagaimana mereka? Adakah apabila diambil aset mereka ini nanti oleh Pengurusan Danaharta ataupun ada limitnya, hanya hutang-hutang yang besar sahaja non-performing yang diambil. Bagaimana yang ambil pinjaman RM30,000, RM50,000, beli saham TNB, Telekom, atau dibeli ASN, atau beli unit trust negeri-negeri, mereka sudah NPL saya dengar banyak cerita, tidak mampu dibayar, lagipun kalau tak mampu dibayar dia punya quality of the asset, dengan izin, ini terminologi bank bahawa kalau dahulu dia pinjam RM50,000 tetapi nilai aset sudah RM10,000, dia kena 'margin call' ini. Bank Simpanan Nasional tidak ada masalah yang ada masalah. Mereka sekarang mungkin boleh bayar bulanan tetapi 'margin call' ini bila panggil tiap-tiap orang kena keluar RM40,000, RM50,000 tidak mampu mereka merupakan pekerja-pekerja biasa, yang belakang itu mungkin ada, adakah di belakang itu ESOS?

Tuan Yang di-Pertua, bila Danaharta ini bergerak banyak peruntukan wang ringgit digunakan untuk mengerakkan ini, tolong jangan hanya diselamatkan yang besar, tolong jangan lupa yang sederhana. Saya yakin kerajaan tidak lupa yang kecil dan sederhana tetapi minta supaya dilaksanakan. Kita tahu dari segi hati, kepimpinan kita maka memang tidak lupa yang kecil dan sederhana. Tetapi kita tidak mahu peringkat pegawai dan peringkat pelaksana ini tidak dilaksanakan. Saya dengan ini mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

4.58 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 14 Julai kepada Ahli Parlimen dari Tuaran, Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Marinking bahawa jumlah pinjaman tidak berbayar pada akhir tempoh 30 April 1998 iaitu jumlah bersih selepas menolak faedah tergantung dan peruntukan khas bagi sistem perbankan adalah seperti berikut:

Bank Perdagangan	-	RM17,980 juta;
Syarikat Kewangan	-	RM12,255 juta;
Bank Saudagar	-	RM1,553 juta.

Ini bermakna bahawa keseluruhan NPL atau jumlah pinjaman tidak berbayar untuk keseluruhan sistem perbankan adalah RM31,788 juta.

Kalau ini adalah angka pada akhir tempoh 30 April, di sini saya ingin bertanya, macam mana RM25 bilion ini adalah mencukupi atau memadai? Memandangkan bahawa untuk akhir tempoh 30 April sudah menjangkau RM32 bilion. Bukankah ini bermakna bahawa mungkin jumlah yang diperlukan adalah lebih banyak daripada RM25 bilion yang diminta atau yang diperlukan oleh AMC.

Di sini saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan cuba sekali lagi menutup kebenaran atau hakikatnya bahawa lebih banyak wang yang sebenarnya diperlukan. Saya amat dukacita bahawa pihak kerajaan enggan menyatakan berdasarkan RM25 bilion yang diperlukan untuk mengambil alih ataupun membeli pinjaman-pinjaman yang menghadapi

masalah, apakah peratusan NPL yang dijangka? Adakah NPL yang dijangka untuk akhir tahun ini adalah sebanyak 20% ataupun 30% pada akhir 1999? Dengan jumlah keseluruhan pinjaman pada akhir bulan Mac 1998 sebanyak RM420.02 bilion. Saya rasa kita sedang melihat pinjaman lapuk ataupun pinjaman yang dianggap sebagai non-performing iaitu pinjaman tidak berbayar sebanyak RM100 bilion pada akhir 1999 kalau NPL akan menjangkau tahap 30%.

Dalam keadaan sedemikian RM25 bilion jelas tidak mencukupi untuk menyelamatkan atau untuk bailout bank-bank tersebut. Saya rasa kita perlu lihat pengalaman dan kalau boleh mendapat iktibar sedikit dari Saving and Loan Scandal (S & L) di Amerika Syarikat, dengan izin di mana dalam sebuah buku oleh *Federal Deposit Insurance Corporation* bertajuk *History Of The 80's, Lesson For The Future*, dengan izin, saya memetik.

‘The National Commission on Financial Institution, Reform, Recovery and Enforcement estimated that it has cost approximately US\$25 billion to close this insolvent S&L in early 1983. Although this is far less than the ultimate cost of the Saving and Loan crisis currently estimated at US\$160 billion, it was on the less about 4 x 6.3 billion in reserves held by the Financial Saving and Loan Insurance Corporation at the end of 1982. It must be concluded that the Saving and Loan crisis reflected a massive public policy failure.’

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) ***mempengerusikan mesyuarat***]

The final cost of resolving failed S&L is estimated at just over US\$160 billion, including US\$132 billion from federal tax payers and much of these cost could have been avoided if the government had had the political will to recognise its obligation to depositors in early 1980's rather than win the situation as an industry bail out. Believing that the market place will vide its own discipline, the government use rapid deregulation and forbearance instead of taking steps to

protect depositors. The government guarantee of insured deposits nonetheless exposed US depositors the risk of loss while the profits made possibly by deregulation and forbearance with a group to the owners and managers of the Saving and Loan.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah juga Datuk, belum sempat ucapkan tahniah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, di sini kalau Amerika Syarikat sebuah negara yang tulus, terbuka dan accountable boleh membuat kesalahan yang begitu ketara sehingga boleh kehilangan US\$160 bilion apabila mereka hanya memperuntukkan US\$25 bilion. Saya rasa amat takut, amat mendebarkan kalau kita hendak menjangka atau membuat dugaan berapa banyakkah wang yang mungkin Malaysia hilang kalau prinsip-prinsip ketelusan, akauntabiliti dan pemantauan ketat atas industri perbankan tidak diamalkan. Saya rasa kita mesti memastikan sungguhpun kita telah memperuntukkan RM25 bilion kita janganlah terpaksa akhirnya membelanjakan RM160 bilion sepertimana yang dilakukan oleh Amerika Syarikat.

Dan di sini Amerika Syarikat seperti yang saya memetik ungkapan tadi, industry bail out - political will to recognise its obligation to depositors rather than win the situation as an industry bail out.

Perlu ditegaskan bahawa kalau kita lihat keadaan di Amerika adalah berlainan dengan keadaan perbankan di Malaysia. Insurans untuk deposit di Amerika Syarikat hanyalah ke satu tahap RM100,000 untuk setiap deposit. Saya ingat ini boleh diperakukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Bukan seperti di Malaysia blanket guarantee, blanket insurance,. 100% untuk semua deposit sama ada melebihi atau kurang daripada RM100 ribu. Tetapi di Amerika Syarikat hanya setakat US\$100 ribu. Tetapi sungguhpun demikian rugi

dengan jumlah yang begitu besar, sampai US\$160 bilion, lima kali. Lebih lima kali daripada apa yang mereka jangkakan. Dan saya amat takut.

Tuan Yang di-Pertua, RM25 bilion saya rasa jelas tidak cukup bila NPL lebih RM32 bilion sekarang. RM25 bilion adakah akan naik sampai RM100 bilion. Kalau demikian saya rasa adalah tidak adil untuk menghalang rakyat Malaysia daripada diberitahu, dimaklumkan apa yang sebenarnya berlaku. Dan kita harus memegang prinsip ini, sepertimana yang dinyatakan dalam FDIC.

The government guarantee of insured depositors nonetheless exposed, dengan izin, exposed US taxpayers the risk of loss while the profit made possibly by deregulation and forbearance to the owners and managers of the Saving and Loan.

Sama kalau kita lihat keadaan di Malaysia. Keuntungan yang diperolehi oleh bank-bank, institusi perbankan dalam keadaan ekonomi yang begitu maju dan cergas 3 tahun kebelakangan. Oleh kerana ada short term atau hot money - short term capital flows dalam Malaysia di mana kerana liquid situation, wang modal yang begitu banyak, pinjaman dibuat dengan merata-rata tanpa mengikut kawalan, peraturan, kredit dan banking yang sewajarnya.

Tetapi keuntungan yang diperolehi semuanya disalurkan kepada pemegang saham pemilik bank-bank. Mana rakyat Malaysia ada buat untung besar. Tetapi apabila mereka membuat kerugian, datanglah pula rakyat Malaysia mesti menanggung beban kehilangan tersebut. Saya rasa dari prinsip ini tidak begitu betul. Saya bukan menyatakan kita tidak patut menyelamatkan bank-bank yang menghadapi masalah. Khususnya kita memastikan, memberikan jaminan bahawa pendiposit wang mereka dalam bank mestilah 100% selamat. Tetapi saya amat menentang 100%, menentang dengan kerasnya sekali. Kalau kita menganggap langkah ini sebagai satu usaha untuk membolehkan mereka yang mengambil risiko perdagangan boleh meminta rakyat Malaysia menyelamatkan mereka.

Kalau kita hendak menceburi bidang perniagaan, untung rugi kita mesti tanggung risiko sepenuhnya. Tetapi bukan apa yang berlaku di sini. Untung dia dapat, rugi bukan saya tanggung, rakyat Malaysia yang tanggung. Inilah yang saya takut akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu lihat apa yang berlaku di Amerika Syarikat kerana ada banyak keburukan di Amerika Syarikat dalam sistem perbankan pun. Sungguhpun mereka tulus terbuka dan accountable, ada banyak kelemahan. Dan dalam keadaan perbankan di Malaysia yang tidak memberi ciri-ciri sedemikian, ciri-ciri pengurusan keselamatan yang sedemikian, saya amat kuatir bahawa prinsip ini di atas alasan bahawa kita hendak menyelamatkan, menjamin keselamatan deposit, pendepositer kita boleh menyelamatkan pemegang-pemegang atau pemilik bank-bank yang atas kegagalan, kecuaiannya mereka membuat pinjaman yang tidak balik kita perlu menanggung kerugian yang mereka alami. Saya rasa ini memang tidak betul sama sekali.

Kita tidak harus lupa bahawa kita sedang menggunakan wang rakyat untuk menyelamatkan bank-bank tersebut, atas kegagalan mereka untuk memastikan pinjaman mereka adalah berhemat. Apabila bank untung, pemegang saham bukan rakyat Malaysia yang untung. Tentu Perdana Menteri ada menyatakan, mereka ada bayar cukai, cukai berapa peratus. Berapa peratus. Dan kalau begitu kita mengambil prinsip, mereka yang membayar cukai mestilah ditolong. Saya rasa kita harus mengubal satu undang-undang yang menghalang majikan daripada memecat pekerja kerana kalau pecat pekerja mereka pun tidak boleh bayar cukai.

Saya rasa ini prinsip karut, tidak boleh dipakai dalam sistem ekonomi sekarang. Tidak boleh menggunakan alasan kita mesti tolong syarikat-syarikat besar kerana mereka membayar cukai. Kalau inilah alasan untuk menolong syarikat-syarikat besar, saya rasa kita mesti tolong semua pihak yang membayar cukai termasuk syarikat-syarikat kecil, sederhana dan pekerja-pekerja biasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Yan bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan gunakan bahasa kesat Tionghua.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Cuma saya minta Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata kita jangan selamatkan syarikat-syarikat besar. Saya hendak ambil contoh kalaulah seandainya, contoh kita ambil Penerbangan Malaysia. Saya difahamkan tidaklah menghadapi masalah. Kalau yang menghadapi masalah dan kita tidak selamatkan syarikat tersebut, adakah Yang Berhormat suka syarikat tersebut dimiliki oleh orang asing terutama sekali masyarakat Barat? Adakah Yang Berhormat setuju satu hari nanti Malaysian Airlines akan ditukar nama United Airlines dan kita akan menaiki pesawat tersebut untuk keluar daripada negara kita dan dalam negara kita?

Contohnya, lagi satu kita kata syarikat-syarikat yang berladang seperti Guthrie, perkapalan dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat setuju kalau syarikat-syarikat ini dimiliki dan dikuasai oleh big players dari overseas dan akhirnya kita, pekerja-pekerja kita, orang-orang Malaysia ini akan berkhidmat di bawah sebuah gergasi asing dan kita dijajah semula? Adakah Yang Berhormat setuju itu ataupun Yang Berhormat setuju supaya syarikat-syarikat ini diselamatkan? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Saya amat heran. Saya rasa ada belajar sikit selepas teguran oleh Tuan Yang di-Pertua. Ini ada satu improvementlah. Di sini

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya tanya dengan elok, Yang Berhormat nampaknya perli saya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya cakap elok. Saya cakap ini satu improvement.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Ini bapa Yang Berhormat pergi mana? Yang Berhormat seorang sahaja. Bapa tak datang. Cakap elok-elok ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat perkara itu tidak payah diungkitkan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya jawab terus.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Jangan perli-perli.

Tuan Lim Guan Eng: Ha.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Jangan perlilah.

Tuan Lim Guan Eng: Sikit-sikit tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Cukuplah.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Nanti saya cakap bahasa.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak jawab bahawa perkara ini. Saya tidak sebut langsung bahawa kita jangan selamatkan - kita tidak boleh selamatkan syarikat-syarikat besar tetapi kita tidak boleh gunakan alasan bahawa kita perlu untuk selamatkan syarikat besar kerana mereka membayar cukai, seperti yang suka dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalaulah ini alasan kita mesti selamatkan semua pembayar cukai, tidak kira mereka besar, kecil, sederhana ataupun pekerja asing, pekerja biasa seperti orang 20 juta rakyat Malaysia. Dan untung syarikat besar seperti apa yang ditanya tadi oleh Yang Berhormat dari Yan, tentu kita tidak mahu lihat perniagaan kita dikuasai oleh orang-orang asing. Itu memang saya rasa kalau boleh terus dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Tetapi di sini kita perlu lihat, kalau kita hendak menggunakan wang rakyat untuk selamatkan syarikat-syarikat besar yang perlukan wang berbilion-bilion ringgit, janganlah menggunakan peluang ini untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu sahaja ataupun industri tertentu sahaja. Tadi saya ada sebutkan tentang pengalaman Amerika Syarikat *should not be regarded as the industrial*

builtout tetapi dapat perlu dilihat daripada sudut untuk membantu menjamin kepentingan depositer-depositer kerana ada banyak ciri-ciri dalam perbankan dan kita lihat tetapi apa yang saya takut kalau kita lihat ini dari sudut industrial built-up supaya mereka yang pinjam wang tak boleh bayar tidak apa, kita boleh angkat itu pinjaman semua selesai. Orang yang pinjam wang beratus-ratus juta tidak payah bayar kerana ada AMC. Ini yang kita takut, ini yang kita hendak elakkan kerana wang ini, wang rakyat.

Oleh yang demikian saya hendak meminta supaya kita jangan lihat AMC ini sebagai satu built-out tetapi untuk memastikan bahawa mereka yang bayar, yang pinjam wang mesti membayarnya dan bank-bank yang membuat pinjaman yang tidak baik mesti menanggung kerugian dan risikonya. Bukan seperti mana yang akan berlaku. Tidak puas lagi.

Dato' Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yan bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ada banyak lagilah.

Dato' Badruddin bin Amiruddin: Tidak apa. Saya pun nak tanya juga, pasal Yang Berhormat sebenarnya bukan orang berniaga.

Tuan Lim Guan Eng: Okey. Saya berikan sekali sahaja.

Dato' Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, saya ingat Yang Berhormat ini dia tidak berniaga jadi tidak faham pasal niaga. [*Ketawa*] Teluk Intan pun bukan niaga, jadi loyar buruk itu sahaja. bukan dia faham sangat pasal niaga. Jadi Yang Berhormat kena faham bahawa di dalam Malaysia ini kerajaan mendapat keuntungan daripada cukai untuk kita bangunkan negara ini, jalan luar bandar dan sebagainya. Hasil keuntungan syarikat di samping mengutip cukai income tax daripada rakyat dan sebagainya yang bekerja.

Jadi kalau syarikat-syarikat ini semua terbenam tidak boleh meneruskan perniagaan merek, pertamanya pekerja-pekerja terpaksa berhenti kerja, tanggungan-tanggungan orang ini akan lebih berat dan syarikat-syarikat ini tidak dapat meneruskan pusingan perniagaan mereka. Kadang-kadang syarikat ini, Tuan Yang di-Pertua mereka menghadapi cash flow problem dengan keadaan-keadaan yang semasa ini. Jadi bagi saya ini bukanlah built-out dan Yang Berhormat kena faham. Takkanlah Lembaga yang ditubuhkan ini buta perut, dia hendak beri kepada siapa sahaja peruntukan ini. Tentulah dia akan kaji, dia ada paper dia, dia akan bantangkan dan kalau ini dapat menyelamatkan syarikat, contohnya kalau orang itu boleh diselamatkan dari kematian kalau kita berubat dia maka kita berubat. Kalau sudah tidak boleh maka kalau orang Islam dia suruh bawa balik baca Yassin di rumah. Tidak tahulah kalau Kota Melaka bawa pergi mana ataupun Teluk Intan bawa pergi mana. Tetapi orang Islam kalau sudah tidak boleh selamat, doktor kata bawa balik, kita baca Yassin di rumah. Begitu juga syarikat. Kalau syarikat itu sudah tidak boleh diselamatkan tidak apa. Kalau boleh diselamatkan dayamaju dia itu masih boleh dibangunkan maka apa salah kita gunakan. Contohnya Penerbangan Malaysia dahulu hak kerajaan. Kita bagi, kita privatise orang itu berjalan. Kalau tersangkut sedikit sebanyak kalau kerajaan ambil balik pun tak salah. Ini hak kerajaan. Jadi mungkin Yang Berhormat kena belajar sedikit pasal ini. Kurangkan sedikit politik di dalam DAP ini, banyakkkan sedikit dari segi memahami masalah negara. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cakap macam Yang Berhormat, cakap di kampung boleh pakailah. Cakap macam ini di kampung, di ceramah boleh pakai.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya orang kampung. Adakah Yang Berhormat menghina orang kampung ?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya cakap

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya boleh declare DAP menghina orang kampung, kemudian PAS, PAS jangan dok berkawan dengan depa, PAS pun parti kampung.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak, saya cakap di kampung, ceramah di pekan, di luar bandar boleh. Saya tidak hina mana-mana, hanya Yang Berhormat mungkin hendak mengheret saya. Di Dewan yang mulia ini.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi maknanya, Yang Berhormat ingat orang kampung ini senang ditipukah ? Di dalam Dewan ini pun berapa ramai orang kampung, Yang Berhormat ingat, Yang Berhormat datang dari bandarkah ?

Tuan Lim Guan Eng: Ini cakap di kampung hendak tipu orang, bukan takyat tidak tahu, tetapi hendak tipu rakyat. Itu sebab akibatnya

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat kena faham.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa perkara ini tidak perlu dibahas.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: DAP hendak menipu orang Pulau Pinang. Sebab itu dua tiga kali bertanding pun tidak menang. Itu cara bandar Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak apalah kita tengok pengalaman di Arau.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kami rakyat kampung, jadi kami mempertahankan hak Yang Berhormat kena ingat, daripada kampunglah terjadinya bandar.

Tuan Lim Guan Eng: Kita tengok pengalaman di Arau, tetapi cakap Yang Berhormat macam ini saya rasa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu saya rasa dah terpesong sangat balik kepada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Okey, tidak apa. Saya balik kepada tajuk, cakaplah kalau kita hendak cakap, kita cakap dari segi mikro. Yang Berhormat cakap mikro. Cakap seperti seorang peniaga, kita tidak boleh cakap macam ini. Kita

mesti cakap dari segi mikro, dari segi kewangan, dari segi perakaunan. Jangan cakap seperti ini, bayar cukai kita mesti tanya cash flow, ada susah sedikit. Itu tidak akan menyelesaikan masalah kita.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terlampau mikro orang tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa kalau hendak cakap sedemikian tidak payahlah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kalau hendak cakap sampai orang tidak faham buat apa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak payahlah. Nanti, biarkan saya habiskan perenggan ini, saya takut tidak ada masa, tetapi kalau ada saya akan berikan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okey.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau saya ada masa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya tunggu.

Tuan Lim Guan Eng: Tapi di sini saya amat dukacita kalau inilah pandangan Ahli Parliman Barisan Nasional. Kerana kita perlu lihat dari segi mikro. Dari segi kesan keseluruhannya. Bukan dari segi ini ada cash flow. Syarikat besar ada cash flow. Kita mesti tolong sama dia. Kalau sedemikian, mengapa itu yang menjual sate, yang menjual roti canai, ini di kampung, mengapa mereka tidak ditolong. Itu yang jadi masalah.

Beberapa Ahli [*Ketawa*].

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hendak tolong apa, depa tak ada cash flow.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Padang Terap bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Apakah otak duduk di mana. Otak letak di lutut, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yan, jangan mencelah begitu sahaja Yang Berhormat. Ya, Padang Terap.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka, yang dicakapkan oleh Yang Berhormat dari Yan tadi, mikro itu, dia bagi sebagai satu contoh bukan dia hendak menggunakan mikro itu untuk menganalisa keseluruhan negara.

Contohnya ialah cash flow, aliran tunai jadi Yang Berhormat perlu dia, menjatuhkan dia buat apa, jawab dari segi mikro, mikro samalah. Mikro dengan makro berjalan sama tanpa makro, mikro tidak ada, jadi Yang Berhormat, janganlah jatuhkan dia sangat mentang-mentang dia orang meniaga sate pun.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Janganlah perli Yang Berhormat dari Yan, mana dia ada jual sate, dia kontrak besar. Kalau dia ada jual sate, saya akan perjuangkan hak dia, tapi dia tak jual sate. Saya tak boleh memperjuangkan hak dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, kadang-kadang orang.....

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya mesti jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri dulu. Saya rasa, saya tidak merendahkan sesiapa. Tadi saya hendak bantu dia sedikit. Sungguhpun dia tak gunakan perkataan mikro, saya gunakan perkataan mikro untuk apa ini menggambarkan apa yang beliau hendak ceritakan. Tapi tentang apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, di sini, kita mesti lihat dari industry wide basis, bukan dari segi untuk membantu bank-bank tertentu. Saya rasa AMC ini jelas untuk membantu bank-bank tertentu. Oleh yang demikian, untuk menutup hakikat ini dijadikan pula industry bail out. Sungguhpun dari konsep dan dari segi prinsip ini adalah perlu untuk

memperkuat sistem perbankan. Adalah perlu bahwa ini tidak dilihat sebagai satu bail out dan saya amat khawatir, ia sebenarnya merupakan satu bail out.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan, saya tidak menyebut atau menyatakan bahwa kita tidak harus mengambil sebarang langkah untuk membantu sistem perbankan yang sekarang bermasalah, tetapi kita boleh membenarkan bank-bank tersebut daripada membayar penuh kelemahan dan kesilapan yang mereka lakukan. Adakah kita telah belajar penuh daripada pengalaman S&L di Amerika Syarikat dan di sini, saya dengan izin, quote sekali lagi oleh FDIC.

“The regulatory lessons of the S&L disaster are many.

First and foremost is the need for strong and effective supervision of insured depository institutions, particular if they are given new or expended powers or are experiencing rapid growth.

Second, this can be accomplished only if the industry does not have too much influence over its regulators and if the regulators have the ability to hire, train, and qualified staff. In this regard, the bank regulatory agencies need to remain politically independent.

Third, the regulators need adequate financial resources. Although the Federal Home Loan Bank System was too close to the industry it regulated during the early years of the crisis and its policies greatly contributed to the problem, Bank Board had been given far too few resources to supervise effectively and industry that was allowed vast new powers.

Fourth, the S&L crisis highlights the importance of promptly closing insolvent, insured financial institutions in order to minimize potential losses to the deposit insurance fund and to ensure a more efficient marketplace.

Finally, resolution of failing financial institutions requires that the deposit insurance fund be strongly capitalized with real reserves, not just federal guarantees”.

Apa yang berlaku kalau kita lihat pengalaman di Malaysia ialah blanket guarantee, dan saya amat bimbang seperti yang saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tidak mengadakan sistem pemantauan, atau memastikan ia bukan satu industry bail out dan sebagai satu langkah untuk mengelakkan peminjam-peminjam besar daripada bank-bank daripada membayar hutang mereka. Malapetaka kewangan yang lebih besar akan menimpa negara kita.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah benar seperti yang dinyatakan atau yang disebarkan bahawa bank-bank tempatan menghadapi kerugian yang besar contohnya Bank Bumiputra dikatakan akan menghadapi kerugian sampai RM2 billion. Adakah ini benar, bahawa bank-bank tersebut perlukan suntikan yang lebih besar yang diakui oleh Kerajaan, dan di sini kalau kita lihat apa yang dilakukan ke atas Perwaja it will be a classic case of throwing good money after debt.

Dalam kes Perwaja kita boleh lihat sungghpun industri ini tidak fibre langsung. Kerajaan masih mencurahkan wang, atas ego Kerajaan Malaysia dan berapa bilion ringgit terpaksa ditanggung oleh kerajaan RM10 bilion. Inilah angka yang dijangka.

Sungguhpun perkara ini telah dibawa berkali-kali, tidak ada sebarang tindakan diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab, sama juga dalam bank-bank. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri akan bersetuju dengan saya - Gursions Law, bersetuju dengan saya - variations of our Gursions Law, bad money driving good money away.

Dalam keadaan di mana kita boleh lihat dalam sistem perbankan. Kalau, sistem perbankan ini menghadapi masalah, mereka hendak recoup kerugian mereka, mereka terpaksa berjudi meminjam kepada sektor yang mempunyai risiko tinggi dengan harapan boleh mendapat keuntungan dan kalau mereka bersedia berbuat demikian, lain-lain institusi kewangan yang ingin mendapat keuntungan

pun mesti sama-sama memberikan syarat-syarat yang sama dan ini saya rasa telah berlaku di Malaysia sebelum ini.

Oleh sebab itu seperti pengalaman di Amerika Syarikat, apakah sistem regulations yang dipakai oleh Bank Negara atau yang digunakan ke atas sistem perbankan. Biasanya kalau kita lihat daripada sistem supervision atau examination - pemeriksaan yang dibuat ke atas sistem perbankan, kita menggunakan sistem CAMEL. CAMEL iaitu dengan izin, melihat:

- (i) Capable adequacy;
- (ii) Asset quality;
- (iii) Management;
- (iv) Earnings; and
- (v) Liquidity.

C-A-M-E-L.

Saya tidak tahu sama ada, ada satu ranking system yang dibuat oleh Bank Negara mengikut CAMEL one, two, three, four, five - sepertimana yang dibuat di Amerika Syarikat dan saya ingin tahu kalau kita lihat daripada sistem CAMEL ini, saya rasa Yang Berhormat tahu apa yang saya cakapkan.

CAMEL ini berapa di satu, dua, tiga, empat dan lima? Saya hendak tahu dan mengapakah kalau Bank Negara boleh membuat pemeriksaan sedemikian, kita boleh melihat bank-bank sekarang perlukan bantuan sehingga kita perlu menubuhkan AMC. Bukankah ini menunjukkan bahawa dalam sistem pemantauan, pemeriksaan oleh Bank Negara pun ada masalah yang serius.

Di sini, saya sekali lagi ingin meminta Yang Berhormat untuk menyatakan sama ada sistem pemantauan ini merangkumi empat aspek sedemikian:

- (i) adakah pemeriksaan dijalankan untuk memastikan bahawa semua bank menjalankan operasi mengikut gaya dan peraturan yang telah pun ditetapkan;

- (ii) adakah bank-bank telah mematuhi semua arahan yang telah dirangka untuk melindungi pengguna-pengguna seperti-mana yang ditetapkan berkali-kali oleh arahan Bank Negara;
- (iii) adakah integriti sistem elektronik data processing tersebut dipastikan; dan
- (iv) safety and soundness requirements seperti lima syarat CAMEL yang saya sebutkan tadi.

Adakah kesemua ini dijalankan dan saya rasa kalau kita lihat perkembangan terkini, kita tidak boleh gunakan CAMELS sahaja, CAMELS satu lagi aspek iaitu sensitivity to market risk, sekarang kalau kita lihat pemeriksaan yang terkini, ia bukan CAMEL. CAMELS - sensitivity to market risk iaitu, dengan izin, evaluate how well institutions are prepared to protect bank earnings and capital from shift in interest rate foreign exchange and in commodity prices and from fluctuations in portfolios values.

Adakah semua pemeriksaan ini telah dijalankan dan kalau begitu saya hendak tahu, how can we be so wrong, where have we gone wrong and how can we be so wrong? Sehingga semua analisa seperti ini analisa pemeriksaan bank perakaunan ini telah dijalankan sehingga bank-bank menghadapi masalah yang begitu serius. Contoh yang paling ketara Sime Bank, enam bulan boleh rugi RM1.6 bilion. Macam mana sebuah bank boleh rugi RM1.6 bilion dalam tempoh enam bulan sahaja - saya tidak faham. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun mungkin tidak faham, ini pinjam kepada sesiapa, mungkin pinjam kepada sesiapa pun, tetapi yang kita hendak tahu siapa yang dapat pinjaman besar, siapa yang meluluskan pinjaman yang sedemikian sehingga Sime Bank boleh rugi RM1.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, selagi pihak kerajaan tidak mahu transparent dan accountable, saya rasa cadangan untuk menubuhkan AMC susah untuk

memulihkan keyakinan di Pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur dan juga di pasaran mata wang asing dan kita boleh lihat apabila sungguhpun AMC ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, ia tidak dapat mencergaskan pasaran modal dan wang dana.

Kita harus mengambil perhatian tentang kegagalan ini, adakah kerajaan memegang prinsip ketelusan dan akauntabiliti atau adakah ini hanya omong-omong kosong sahaja. Kalau ini omong-omong kosong kita tidak boleh salahkan pasaran kewangan dan modal kalau mereka tidak yakin langsung. Kita lihat Sime Bank, kerajaan telah nyatakan bahawa mereka akan dedahkan senarai nama peminjam-peminjam besar, akan mendedahkan siapa yang bertanggungjawab tetapi sungguhpun jaminan ini telah pun dilakukan, kita belum dapat senarai nama peminjam-peminjam yang besar - Sime Bank.

Mengapa maklumat ini tidak mahu diberikan dan didedahkan kepada rakyat Malaysia, tetapi pada masa yang sama kita hendak rakyat menanggung RM25 bilion untuk menyelamatkan bank-bank tersebut, mungkin lebih besar daripada RM25 bilion, saya takut mungkin sampai RM100 bilion, kalau ini tidak dikawal dengan rapi.

Dalam aspek yang lain, dalam S&L loan skandal, kita ada kalau kita boleh gunakan perkataan penjenayah, the villain of the peace yang menyebabkan S&L collapse and who is the villain of the S&L loan skandal? Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin ingat semasa beliau menuntut di Amerika Syarikat - Charles Keating. Tetapi di Malaysia kita tidak ada villain, who is the culprit of these whole exercise - siapa? Adakah kerana kerajaan ingin menutup

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Sila!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka terbawa-bawa dengan perbandingan S&L, apa yang berlaku dengan saving and loan di Amerika dan juga apa yang berlaku sekarang, ingin saya perbetulkan, saya tidak mahu habis masa di dalam jawapan saya nanti. Keadaan ataupun perlakuan ataupun peristiwa insiden S&L dengan insiden bank-bank yang ada di negara kita sekarang adalah berlainan. S&L disebabkan oleh mismanagement, poor management. Kita ini disebabkan oleh keruntuhan ataupun kejatuhan nilai ringgit dan juga kejatuhan seluruh ekonomi serantau termasuk apa yang berlaku di Jepun dan kemungkinan apa yang akan dilakukan oleh China.

Jadi, sebelum Ahli Yang Berhormat terus terbawa-bawa dengan perbandingan yang tidak ada asas itu, saya ingin peringatkan Ahli Yang Berhormat bahawa the predisposing situation, dengan izin, adalah tidak sama.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat tidak akan atau would not disagree, tentu akan bersetuju dengan saya bahawa sebab utama S&L menghadapi masalah ialah interest mismatched atau dengan penjelasan ialah kerana wang yang mereka bayar kepada deposit adalah lebih tinggi daripada pulangan yang mereka perolehi.

Ini pun serupa dengan bank-bank sekarang, sungguhpun pada asalnya sumbernya, puncanya berlainan tetapi sekarang masalah yang dihadapi ialah sama, interest mismatched dan itulah sebabnya AMC perlu ditubuhkan. Kalau tidak ada masalah interest mismatched mengapa pula AMC perlu ditubuhkan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mengakui puncanya adalah berlainan, jadi itu diakui. Jadi, kalau puncanya adalah berlainan, consequencenya, dengan izin, adalah sama, itu

memanglah macam saya katakan tadi, puncanya adalah berlainan, consequencenya sama yang menyebabkan liquidity problem, credit crunch dan lain-lain lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi saya ada bercakap tentang sensitivity to market risk yang perlu dijalankan. Di Amerika Syarikat apabila S&L berlaku adalah berdasarkan kepada punca yang berlainan. Di sini ialah berdasarkan kepada punca yang berlainan, penurunan nilai mata wang ringgit tetapi akibatnya ialah serupa iaitu apabila asset deflation, apabila berlaku pula penurunan nilai hartanah yang menyebabkan nilai-nilai ini tidak boleh disokong, penurunan nilai saham, ini memaksa bank-bank menanggung kerugian yang besar, sama juga kepada seperti S&L dan oleh sebab itu

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Lim Guan Eng: Nanti sekejap, saya akan berikan. dan di Amerika Syarikat perlu tubuh satu Resolution Trust Corporation (RTC) untuk menghadapi masalah ini sama di Malaysia AMC, mana ada berlainan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itulah saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Jadi, apa yang hendak dibangkitkan lagi?

Hujah Ahli Yang Berhormat tadi ialah untuk menyalahkan, jadi kalau hendak menyalahkan bank-bank di Malaysia kerana kesalahannya imprudent, dengan izin, ianya tidak sama dengan di sana, mungkin di Malaysia tidak ada imprudent, di Malaysia ada sistem pengawalan yang dibuat oleh Bank Negara sendiri, mungkin Ahli Yang Berhormat tidak tahu, tetapi persoalannya akibatnya, consequencesnya adalah sama. Jadi, sebab itu kita tubuh tetapi Ahli Yang Berhormat lupa bahawa Ahli Yang Berhormat terbawa-bawa, hendak marah bank-bank seolah-olah apa yang berlaku di S&L di Amerika itu berlaku di bank-bank di sini misalnya imprudent, misalnya pemantauan daripada Pusat tidak ada. Jadi, itulah perkara yang dibangkitkan, saya bukan tidak bersetuju dengan Ahli Yang

Berhormat - saya bersetuju dan Ahli Yang Berhormat pun mengaku dengan statement saya sebabnya berlainan akibatnya sama - itu saya tidak bersetuju.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa ada self contradiction di sini, bersetuju - tidak bersetuju dan bersetuju - tidak bersetuju. Tetapi kalau Yang Berhormat katakan bahawa kegagalan atau kerugian atau bank-bank tidak ada unsur-unsur imprudent, tidak ada unsur-unsur tidak berkhidmat, saya rasa saya tidak bersetujulah. Kalau inilah alasan kerugian Sime Bank sebanyak RM1.6 bilion, hanya imprudent, saya rasa lebih daripada itu

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini berlaku pada satu bank. Jadi, Ahli Yang Berhormat cakap mengapa tidak didedah? Saya hendak jawab dahulu sebelum saya habis masa ini. Yang tidak dilaporkan lagi oleh sebab penyiasatan belum lagi selesai dan saya diberitahu bahawa penyiasatan adalah pada penghujungnya dan insya-Allah, di dalam persidangan Parlimen yang akan datang mungkin kita akan dedah apa yang berlaku, biarlah penyiasatan terus dilakukan oleh pihak-pihak yang berkuasa dan kita akan dedahkan.

Soalnya ialah kerana itu berlaku dalam Sime Bank, Yang Berhormat tidak boleh memberi generalisation kepada kesemua 30 ataupun 50 bank-bank yang wujud di negara ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau Yang Berhormat hendak cakap kena tunggu siasatan ke atas Sime Bank, mengapa pula cakap bukan kerana sebab imprudent, betul atau tidak? Kalau belum dapat keputusan sekarang boleh bersihkan Sime Bank, oh ini bukan disebabkan oleh imprudent lending. Saya rasa Yang Berhormat sendiri pun agak keliru sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, di sini pun seperti yang saya sebutkan tadi Charles Keating, Lincolns S&L di mana ada kerugian sebanyak US\$3.4 bilion pada awal 80-an, satu jumlah yang begitu besar pada masa itu, sama dengan di Malaysia

sekarang, enam bulan RM1.6 bilion telah hilang hangus sama sekali. Tetapi sungguhpun kita tahu mana bank, mungkin ada lebih banyak bank lainlah yang menghadapi masalah, tetapi mengapa mereka atau watak utama tidak didedahkan, mengapa mereka terus dilindungi, itulah yang menjadi tandatanya kerana sistem tidak telus, tidak accountable, tidak terbuka yang masih diamalkan oleh sistem perbankan Malaysia.

Saya rasa di sini kita tidak boleh perkecilkan jumlah RM25 bilion yang perlu diperuntukkan untuk selamatkan bank-bank Malaysia dan saya harap bahawa kalau kita hendak berjaya dalam usaha kita, adalah perlu kita mendedahkan semua supaya kita tidak dilihat masih dalam sindrom denial untuk menutup kelemahan dan membela mereka yang buat salah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, ada banyak pertanyaan yang telah ditunjukkan, diajukan macam mana RM25 bilion akan dibiayai kerana RM25 bilion untuk AMC merupakan sebahagian daripada satu pakej RM60 bilion untuk memulihkan ekonomi dan di samping RM25 bilion ini ialah recapitalisation sebanyak RM16 bilion supaya risk waited capital ratio bolehlah tidak kurang daripada 9% memulihkan projek-projek infrastruktur dan projek-projek lain sebanyak RM12 bilion, kemudahan kredit kepada sektor pembuatan eksport sebanyak RM4 bilion dan juga perumahan kos rendah sebanyak RM2 bilion, semua RM60 bilion, macam mana ia akan dibiayai, adakah pinjaman dari luar negara akan diperolehi dan kalau demikian adakah ini akan menaikkan kadar atau jumlah hutang luar negara. Perlu dinyatakan bahawa sungguhpun ada beberapa pandangan yang menyebut nilai ringgit sebanyak RM4.20 setiap US Dollar dianggap terlalu tinggi, dengan izin, that Malaysian Ringgit under value, tetapi pula ada setengah analisa kewangan menyatakan kalau negara China terpaksa menurunkan nilai Renminbi, ringgit mungkin jatuh sampai RM6 untuk US\$1 dan

ini adalah sesuatu yang sangat menakutkan kerana kalau ini berlaku jahanamlah kita.

Oleh sebab itu, kalau dalam masa sekarang kita pinjam atau macam mana kita membiayai RM60 bilion ini menjadi tanda tanya. Kalau kita tidak mahu pinjam semua daripada institusi lain, kita pula akan perlu untuk dapatkan wang daripada institusi tempatan dan mana ada institusi tempatan yang ada wang yang sebegitu besar ini kecuali KWSP dan inilah kita takut. Kita bimbang untuk penyumbang-penyumbang KWSP, sekarang kerajaan minta Singapura pulangkan wang CPF, adakah untuk membolehkan KWSP apabila ambil wang, lebih ringan sedikit.

Saya sokong kerajaan dapatkan wang CPF daripada Singapura tetapi jangan pula bila dapat wang itu gunakan pula untuk buat bail-out dan ini yang kita risaukan.

Saya ingin menuntut bahawa AMC ini haruslah diuruskan dengan profesional dan di sini sungguhpun banyak daripada pegawai yang dilantik mempunyai kelayakan yang saya rasa kelayakan yang menunjukkan keupayaan dan kebolehan mereka, saya rasa ini adalah satu keadaan yang unik. AMC adalah satu keadaan yang unik dan kalau boleh sungguhpun kita rasa pegawai-pegawai dilantik penuh berkelayakan, saya rasa adalah perlu bahawa kita dapat nasihat daripada negara-negara lain yang mempunyai pengalaman menguruskan AMC seperti ini khususnya mereka daripada AVIC, Amerika Syarikat yang telah menguruskan resolution trust corporation untuk belajar daripada mereka macam mana kita tidak membuat kesilapan yang sama, di mana US\$25 bilion yang terpaksa dibiayai dan yang awalnya diperuntukkan telah menjadi US\$160 bilion.

Kita hendak belajar dari mereka untuk mengelakkan kesilapan yang sama dilakukan, oleh sebab itu saya ingin mencadangkan ambillah pakar-pakar asing

khususnya daripada AVIC untuk menguruskan AMC supaya kita tidak terus jalankan atau buat kesilapan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kalau kita hendak memastikan bahawa AMC boleh jalankan dengan baik, saya rasa di sini amat jelas antara isu-isu utama ialah apakah harga aset-aset yang akan ditetapkan untuk membeli hutang-hutang atau pinjaman-pinjaman tersebut, ini akan menjadi satu isu pokok yang begitu besar sekali dan di sini subjective evaluation ada perasaan bimbang ia akan dipengaruhi oleh faktor-faktor lain.

Kalau kita hendak memberikan keyakinan, kita mesti memastikan bahawa ada etika korporat bukan sahaja di bank-bank tetapi di semua bidang perniagaan dan di sini saya tidak lihat sungguhpun kerajaan cakap kita mesti amalkan etika korporat tetapi dari tindakan tidak ada langsung. Contohnya ada laporan yang dibuat oleh Dato' Soh Chee Hwen kepada Suruhanjaya Sekuriti, kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, yang menulis surat tentang penyelewengan yang berlaku di Omega Securities dan menyebutkan nama-nama menteri-menteri yang juga terlibat, sungguhpun kenyataan dikeluarkan bahawa Omega Security Company sungguhpun ada kenyataan yang menyatakan bahawa tidak ada membuat aduan terhadap anak kepada Menteri Pengangkutan tetapi dalam laporannya nama Menteri Pengangkutan ada disebut dan saya ingin mencabar pihak kerajaan untuk menafikan hakikat ini bahawa nama anak Menteri Pengangkutan ada disebut dalam laporan Dato' Soh Chee Hwen, dalam aspek mana, saya tidak tahulah mungkin Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri lebih baik untuk menjelaskan kepada Dewan ini dalam aspek ini.

Oleh sebab itu kalau kita hendak mengamalkan sistem corporate beretika, semua penyelewengan, all these hanky-panky, dengan izin, mestilah dihapuskan sama sekali dan kalau tidak macam kes-kes yang melibatkan orang-orang tertinggi, menteri-menteri tertinggi dengan corporates tycoon Dato' Soh Chee Hwen

melibatkan wang beratus-ratus juta ringgit melebihi RM1 bilion dan surat pun telah diberikan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, laporan polis telah dibuat, surat aduan dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti, mengapakah perkara ini tidak diuruskan dengan sikap profesional, accountable dan telus. Selagi ini dilakukan saya rasa banyak soalan, banyak pertanyaan, banyak syak wasangka akan juga sama ditujukan kepada AMC sungguhpun ia mungkin atau pegawai terlibat ingin menguruskannya dengan baik kerana takut ada timbul unsur-unsur campur tangan politik.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kalau kerajaan tidak mengamalkan transparency dan akauntabiliti, kalau kita hanya cakap di luar negara di Washington sahaja, tidak bermakna langsung kerana apa yang berlaku ialah tidak lain, tetapi satu sistem yang lebih canggih, satu contoh yang lebih canggih, KKN - korupsi, kolusi dan nepotisme. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun masih ada beberapa orang lagi yang tunjuk minat hendak berbahas, tetapi oleh kerana kesuntukan masa, saya mengizinkan seorang lagi berucap sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab. Mentakab.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Seorang lagi! Saya sebenarnya, saya telah pun terpaksa membuat keputusan seperti ini Yang Berhormat.

5.50 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian

dalam perbahaan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa kestabilan dan kekukuhan sektor kewangan dan sistem perbankan adalah faktor yang paling penting dalam memulihkan ekonomi negara, maka pada prinsip dan tujuannya saya sokong penuh usaha kerajaan membentangkan rang undang-undang ini dengan tujuan menubuh sebuah syarikat berkanun yang dinamakan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad untuk menangani masalah hutang tidak dibayar (NPL) yang dihadapi oleh institusi-institusi kewangan.

Namun demikian, saya ingin membangkitkan beberapa perkara dan berharap akan dapat penjelasan yang lebih lanjut.

Yang pertama, seperti beberapa Ahli Yang Berhormat yang sudah berucap, saya juga ingin minta Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memberi gambaran yang lebih lanjut tentang keseriusan masalah NPL yang dihadapi oleh institusi-institusi kewangan. Walaupun Yang Amat Berhormat telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa NPL adalah pada tahap 8.5% pada akhir bulan Mei 1998, tetapi saya ingin bertanya berapa nilainya sebenar, berapa syarikat yang terlibat dalam NPL ini, berapa syarikat yang tidak dapat membayar pinjaman yang melebihi RM100 juta dan mengikut trend sekarang apakah NPL pada akhir tahun ini dan pada pertengahan tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini adalah amat mustahak untuk kita memahami sama ada RM25 bilion modal yang akan diperolehi oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini sama ada jumlah itu adalah mencukupi untuk mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya faham kita sedang bersaing dengan masa dan Danaharta perlu beroperasi dengan cepat, cekap dan berkesan dan oleh yang demikian melalui rang undang-undang ini ia akan membolehkan Danaharta

mengguna prosedur pintas dalam pengurusannya. Namun saya berasa ragu-ragu mengenai implikasi mengetepikan pemakaian akta-akta lain keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, misalnya Akta Syarikat 1965 dan Akta Pemberi Pinjaman Wang 1991. Begitu juga Fasal 16 tentang peruntukan caveat dan perintah larangan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan Fasal 41 mengenai hak kreditor mengambil prosedur undang-undang terhadap sesuatu syarikat. Saya ada empat persoalan dan harap dapat penjelasan.

- (i) tanpa meminda akta yang diketepikan dari terpakai terhadap Danaharta adakah ini sah dari segi perundangan;
- (ii) bagaimana kita dapat melindungi hak-hak kreditor-kreditor yang lain seperti pembekal atau kontraktor yang mungkin ada hutang-hutang yang belum diselesaikan dengan syarikat-syarikat yang terjejas;
- (iii) dengan adanya status keistimewaan rang undang-undang ini, apakah kesannya terhadap keyakinan pelabur asing dan tempatan; dan
- (iv) bagaimana kita dapat memastikan rang undang-undang ini tidak akan disalahguna oleh mana-mana syarikat mencari perlindungan menyeluruh daripada kreditor-kreditor dan sekali gus melepaskan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apabila Danaharta mula beroperasi, banyak syarikat yang merupakan orang yang terjejas akan memohon kepada perbadanan untuk mendapat bantuan dan perkhidmatan dan kemungkinan besar semua syarikat tersebut akan memenuhi syarat-syarat (a) dan (b) yang terkandung dalam Fasal 23(1). Soalannya ialah apakah kriteria atau asas yang akan diguna oleh perbadanan dan jawatankuasa selia untuk menentukan orang yang terjejas mana yang harus diberi perkhidmatan Danaharta.

Adakah proses pemilihan akan memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat dalam sektor produktif yang telah diumumkan sebelum ini atau syarikat yang terlibat dalam projek infrastruktur atau sektor perumahan yang ada kaitan luas dengan 140 bidang ekonomi lain. Jadi, saya meminta Danaharta ini boleh umumkan kriteria dan asas yang akan diguna dalam pemilihan syarikat-syarikat terjejas untuk diberi perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor faktor pokok kesukaran untuk memulih ekonomi negara ialah masalah keyakinan pelabur tempatan dan pelabur asing, maka pada pendapat saya segala operasi Danaharta perlu diurus dengan ketelusan dan mesti mempamerkan ketelusan dalam segala keputusan kepada orang ramai untuk memenangi keyakinan mereka dan sehubungan dengan ini, saya juga ingin menyeru Pengurusan Danaharta Nasional Berhad mengumumkan kriteria pemilihan orang terjejas dan juga sentiasa mengumumkan nama-nama syarikat yang telah dipilih, pemegang-pemegang ekuiti dan senarai pengarah-pengarah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya ingin sentuh ialah tentang proses mengkaji kemunasabahan cadangan mengenai orang terjejas oleh penasihat bebas yang dikemukakan oleh pentadbir khas perbadanan. Saya berharap penasihat bebas yang dilantik akan menjalankan tugas mereka penuh dengan kredibiliti dan profesionalisme dan mengambil kepentingan kreditor atau pemiutang bercagar, tidak bercagar dan anggota orang yang terjejas sepertimana yang telah dikatakan dalam Fasal 44 rang undang-undang ini.

Adalah amat penting proses pengkajian dan penilaian cadangan yang dikemukakan asas yang diguna untuk sesuatu penilaian juga dijalankan dengan profesionalisme dan juga perlu memenuhi keperluan ketelusan yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 51 dan 52 iaitu kelayakan pentadbir khas dan penasihat bebas, apakah sebab pakar perunding pengurusan iaitu

management consultant dan penilai-penilai beriktiraf tidak tersenarai dalam mereka yang layak dipilih sebagai pentadbir khas dan penasihat bebas.

Saya berpendapat mereka yang berpengalaman boleh memainkan peranan yang cekat sebagai pentadbir khas dan penasihat bebas dan patut diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta penjelasan mengenai dengan Fasal 23 iaitu mengikut Fasal 23 untuk mendapatkan perkhidmatan Danaharta, orang yang terjejas perlu memohon kepada perbadanan untuk mendapatkan perkhidmatan dan orang yang terjejas kalau mengikut takrifan dalam Fasal 21, saya minta penjelasan sedikit iaitu adakah orang yang terjejas ini merupakan syarikat yang meminjam daripada institusi kewangan atau syarikat kewangan atau bank disebutkan sebagai orang yang terjejas dan jika bank merupakan orang yang terjejas, apabila bank memohon perkhidmatan daripada Danaharta, adakah bank perlu mendapat persetujuan daripada sipeminjam terlebih dahulu sebelum dia meminta perkhidmatan daripada Danaharta. Ini amat penting sebab jika sipeminjam ada cara lain untuk menyelesaikan pinjaman mereka dengan bank-bank dan kalau bank tanpa persetujuan daripada sipeminjam dan terus meminta perkhidmatan daripada Danaharta mungkin ia akan menjejaskan peluang sipeminjam untuk menguruskan aset mereka sendiri. Jadi, saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat Fasal 46 yang memperuntukkan bahawa suatu mesyuarat pemiutang bercagar orang terjejas perlu diadakan untuk mendapatkan kelulusan majoriti mengenai cadangan yang dikemukakan oleh pentadbir khas dengan laporan pengajian daripada penasihat bebas adalah satu cadangan yang agak bagus sebelum sesuatu pelaksanaan dilaksanakan. Tetapi dalam peruntukan rang undang-undang ini saya tidak nampak apa tindakan yang akan diambil jika dalam mesyuarat bila pemiutang bercagar dalam mesyuarat tersebut cadangan yang dikemukakan ditolak oleh

majoriti pemiutang bercagar. Apa tindakan yang boleh dilakukan selanjutnya? Saya minta ini diperjelaskan juga.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kejayaan Danaharta ini amat bergantung kepada cara mereka yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus syarikat berkanun ini. Kecekapan, kredibiliti, moral dan profesionalisma mereka akan sentiasa diuji dan dikawal selia oleh umum. Sehubungan ini saya berpendapat rang undang-undang ini tidak mempunyai peruntukan-peruntukan yang mencukupi dan jelas untuk menghukum mereka yang melakukan kecuaiian, tidak profesionalisma, fraud, salahguna kuasa dan lain-lain aktiviti jenayah. Saya berpendapat kalau ada peruntukan-peruntukan yang lebih khusus maka ia akan menjadikan satu deterrent, dengan izin kepada mereka yang jika cuba berlaku apa-apa aktiviti yang bercanggah dengan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa saya merasa kesal terhadap sikap Ahli Parlimen DAP (KOKS) yang sentiasa dengan izin, pre-judge semua usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi kita. Sentiasa menghentam apa-apa cadangan yang dikemukakan oleh kerajaan dan sentiasa pre-judge bahawa sesuatu usaha akan gagal. Ini jelas pihak DAP cuma hendak melihat jika kita tidak dapat memulihkan ekonomi negara kita mereka ada modal politik untuk terus menghentam kerajaan dalam pilihanraya. Ini memang niat jahat mereka dan saya juga kesal bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sengaja menyebutkan perkara yang bukan-bukan mengenai dengan laporan Dato' Soh Chee Beng walaupun pihak Kementerian Dalam Negeri telah pun menjawab satu soalan semalam bahawa tidak ada laporan affidavit dan apa yang tersiar di dalam Internet merupakan satu surat layang dan siapa tahu kemungkinan itu adalah kerja DAP dan masih pihak Ahli Parlimen dari Kota Melaka menyebutkan perkara yang bukan-bukan itu dan jelas tujuannya ialah untuk mencemarkan nama baik Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang juga

Presiden MCA. Ini memang berniat jahat dan sebenarnya merupakan tujuan mengalih tumpuan orang ramai kepada politik dalaman dan juga kucar kacir yang baru-baru ini berlaku di dalam parti DAP.

DAP ini selalu hendak menegakkan keadilan, kebebasan dan demokrasi di kalangan orang ramai. Kita nampak apa yang berlaku baru-baru ini dalam parti DAP atau parti “Draconian Autocratic Party baru-baru ini kita lihat cara mereka pre-judge tiga orang yang dipecat oleh jawatankuasa tata tertib parti. Kita dapati Encik Wee Choo Keong telah disabitkan kesalahan sebab menuduh Setiausaha partinya di mesyuarat parti tetapi kalau kita bandingkan dengan lain-lain parti semuanya menerima teguran tetapi dalam DAP yang sentiasa mengatakan mereka demokratik - mereka tidak boleh menerima teguran daripada ahli-ahlinya. Kalau mereka memberi teguran ia akan ‘disembelih’ dan dalam kes Encik Wee Choo Keong beliau telah dipecat walaupun dia merupakan seorang pemimpin yang telah lama berkhidmat dalam parti. Itu kes Encik Wee Choo Keong. Kes rakan ... sekarang saya panggil rakan sebab dia bukan dalam parti DAP lagi iaitu Ahli Parlimen dari Seputeh dan juga Encik Fung Ket Wing. Saya kasihan mereka berdua ini sebab kedua-dua mereka juga didapati melakukan kesalahan dan digantung keahliannya di atas kesalahan yang tidak dilakukan oleh mereka. Mereka dipecat kerana mereka mendiamkan diri apabila Encik Wee Choo Keong memberi teguran kepada Setiausaha partinya. Kalau hendak diikutkan keadilan dan kalau mengikut prinsip demokrasi saya pun tidak tahu apa prinsip ini kerana biasanya kalau dalam legal system kita kalau seseorang itu adalah tidak, innocent until proven guilty, dengan izin tetapi dalam parti DAP ini tidak melakukan apa-apa pun disabitkan kesalahan. Demokrasi apa ini dan saya merasa hairan kerana baru-baru ini DAP telah berpakat dengan parti PAS dan Partai Rakyat seolah-olah

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Bagan bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: hampir habis, tidak ada masa lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Terkeluar daripada apa yang dibincangkan. Peraturan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat. Bagan yang ke berapa Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Peraturan!

Tuan Lim Hock Seng: Tidak ada buku.

Tuan Fu Ah Kiow: Jadi baru-baru ini dia telah berpakat dengan PAS dan Partai Rakyat seolah-olah hendak menegakkan kebebasan, keadilan dan demokratik. Saya hairan dan sebenarnya bahasa Inggeris saya tidak berapa bagus tetapi saya boleh membuat kesimpulan kata iaitu 'it must be a joke'.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata tersebut saya mohon menyokong.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: [*Bangun*]

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: PAS hendak berucap. Okay, Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, saya rasa masa tidak mengizinkan Yang Berhormat.....

Seorang Ahli: Sedikit pun tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Saya hendak Kubang Kerian cuba pendekkan ucapan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Untuk kali ini sahaja Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:Yang Berhormat masa tidak mengizinkan.

5.15 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Saya akan mengambil masa yang paling ringkas. Rang undang-undang ini di antaranya ialah untuk mengatasi kerenah Akta Syarikat, Akta Bank, Akta Sewabeli dan lain-lain lagi supaya ianya dapat berjalan dengan lancar. Danaharta ini boleh dikatakan menjadi orang tengah di antara bank dan mereka yang meminjam. Di sudut dalam Akta ini ia begitu baik kerana ia ada wakil Perbendaharaan, Suruhanjaya Sekuriti, wakil Bank Negara yang menentukan polisi. Begitu jugalah pentadbir bebas dan juga penasihat bebas tetapi kita lihat di sini bahawa syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kemungkinan menjalankan lobi yang begitu dahsyat pada masa yang akan datang iaitu syarikat yang menghadapi masalah akan melobi Danaharta, kemudian Danaharta pula akan merujuk select committee, select committee pula akan meminta sebuah bank untuk membuat kajian kemudian pergi ke penasihat bebas, penasihat bebas pula akan mencadangkan kepada Danaharta untuk memberi bantuan kepada syarikat yang bermasalah.

Kita bimbang usaha lobi ini yang kawan-kawan lain timbulkan saya tidak timbulkan lagi. Ia akan melibatkan bentuk-bentuk yang tidak baik dalam perniagaan, ini yang kita bimbangkan iaitu menggunakan orang yang berpengaruh untuk melobi, untuk mendapatkan bantuan dan apabila mereka melihat peruntukan yang begitu besar akan timbul dalam syarikat-syarikat dan bank-bank yang bermasalah yang dipanggil morale hazard. Morale hazard ini iaitu apabila mereka menghadapi masalah dan kita tidak berusaha untuk memulihkan syarikat mereka tetapi mereka lebih menunggu bantuan daripada Danaharta ini. Jadi masalah morale hazard ini akan berlaku kepada syarikat-syarikat yang bermasalah yang mereka lihat tidak perlu lagi berusaha untuk memulihkan syarikat-syarikat mereka tetapi yang perlu diusahakan ialah melobi Danaharta untuk mendapatkan bantuan. Jadi morale hazard ini akan berlaku terutama sekali kepada syarikat-syarikat yang

kita lihat melantik pengerusi-pengerusi yang sebelum ini yang tidak pandai berniaga tetapi untuk kepentingan politik atau untuk mudah mendapatkan pinjaman digunakan orang yang berpengaruh ini dalam mendapatkan bantuan dan wujud morale hazard di kalangan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah.

Perkara yang saya ingin sentuh juga ialah masalah dana yang begini besar RM25 bilion dan mungkin sampai ke RM40 bilion. Sedangkan belanjawan negara kita di sekitar RM50 bilion. Hampir sama besar dengan belanjawan negara. Maka pengaruh Danaharta begitu besar dan ia boleh menentukan juga aliran atau dasar negara pada masa yang akan datang. Kalaulah RM25 bilion ini wangnya sebahagian besar datang daripada dalam negeri terutama sekali kerajaan menjual bon-bon kepada EPF dan kepada orang ramai. Bila wang dicairkan sudah tentulah akan berlaku inflasi yang lebih besar seperti yang diramalkan 7% hingga 8% dan mungkin lebih daripada itu apabila wang dalam negeri dicairkan dengan menjual bon-bon. Kalau kita pinjam daripada luar negeri maka baik untuk tukaran asing tetapi menambahkan hutang negara kepada luar dengan begitu dahsyat sekali seperti yang disebut bahawa Ringgit kita masih lagi tidak teguh dan macam-macam ramalan selepas Komanwel ini akan berlaku perkara-perkara penurunan nilai mata wang yang kita dengar pun bimbang.

Kita juga membaca surat khabar dan merasa terharu apabila dua orang Menteri iaitu Menteri Kewangan dan Menteri dengan Tugas-tugas Khas dari Merbok, kedua-duanya ada kartun yang mempunyai sayap untuk mereka terbang ke luar negeri mencari dana dan berlumba-lumba mencari hutang. Berlumba-lumba untuk mendapatkan hutang, siapa yang lebih banyak mendapatkan hutang maka dia juara. Dalam masalah ekonomi jika tidak berlaku apa-apa, tidak ada masalah tetapi kalaulah ekonomi terus menurun maka kita bimbang pemilihan UMNO akan datang pada tahun 1999 siapa yang mendapatkan hutang banyak itulah yang akan di'condemn' kerana negara akan terus menghadapi masalah.

Apabila tidak ada masalah tidak apa, macamlah bila tidak ada masalah tidak timbul masalah kroni. Cuma kami timbulkan tetapi tidak berkesan tetapi apabila ditimbulkan oleh Ketua Pemuda UMNO maka, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa menjelaskan. Jadi perkara ini - berlumba untuk mendapatkan hutang adalah satu perkara yang kurang baik sebenarnya tetapi inilah yang digambarkan sekarang ini oleh akhbar iaitu dua orang Menteri ini akan keluar negeri untuk berlumba mendapatkan hutang. Entah kenapa selepas itu kita lihat Ketua Pengarang akhbar Utusan dipecat atau berhenti dengan serta merta. Barang kali Yang Berhormat dari Parit Sulong tahu tentang perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan kami juga ialah apabila hendak ambil wang dalam negeri gambaran awal daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ialah wang EPF. Wang EPF lah yang menjadi gambaran awal untuk diambil dan sudah tentulah EPF kalau pergi ke tempat lain lebih untung tetapi kalau labur di sini untung barangkali 3% hingga 4%. Ini akan menjejaskan pekerja terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita lihat di sudut kepentingan peribadi ataupun kepentingan parti kita lebih suka ekonomi itu terus merosot. Kami boleh menang banyak tempat lagi bukan setakat di Arau tetapi kita bercakap bukan soal kepentingan parti atau kepentingan peribadi. Kita mahu ekonomi pulih sebab kita tahu apabila pemimpin Barisan Nasional tidak ada duit dia tidak dapat mengupah pekerjanya, maka dia kalah di Arau. Kalau diikuti kepentingan peribadi kita suka ekonomi runtuh tetapi kita tidak mahu sebab jangka panjangnya semua orang teruk tidak kira apa-apa parti. Misalnya dengan ekonomi yang begini teruk mereka yang hendak menunaikan fardu haji pada tahun hadapan kena menyediakan lebih kurang RM10,000 iaitu tambang dan wang poket. Ini bukan kerana duit Rial itu naik tetapi ekonomi negara jadi begini dirasakan oleh semua rakyat. Saya katakan tadi kalau kepentingan peribadi kita mahu syarikat-syarikat

besar ini kebanyakannya dipimpin oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Biar mereka bankrup ‘padan muka’ tetapi bukan itu fikiran kita. Kita mahu ekonomi pulih biar semua dapat merasainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan menyediakan dana yang begitu besar sehingga sampai RM40 bilion atau lebih kita tidak menentang tetapi kita lihat dalam membantu bank dan membantu korporat-korporat kerajaan sanggup buat begini rupa tetapi untuk rakyat awam kita lihat tidaklah usaha ke arah itu. Misalnya kita lihat pada tahun ini 7,000 pelajar yang ikut matrikulasi yang ‘di pawahkan’ kepada IPTS. Berapa belanja yang terpaksa mereka keluarkan, tidakkah kerajaan fikir secara serius bagaimana hendak menyelesaikan masalah mereka. Sedangkan berlaku ketidakadilan dalam penyediaan ini misalnya pelajar yang mengikuti selepas SPM Tingkatan 6 mereka belajar free tetapi apabila pergi ke matrikulasi mereka dikenakan bayaran. Oleh itu dua tahun mereka yang pergi ke Tingkatan 6 dapat free daripada kerajaan, mereka yang pergi ke matrikulasi mereka dikenakan bayaran. Sedangkan kedua-dua mereka itu mengikut aliran yang ditentukan oleh kerajaan - parti pemerintah. Kenapa mereka yang pergi ke matrikulasi terpaksa berkorban. Ini mungkin tidak difikirkan lagi oleh Kementerian Pendidikan ataupun telah berfikir tetapi tidak jumpa jalan bagaimana hendak menyelamatkan mereka yang terlibat dalam matrikulasi lebih daripada 7000 orang. Kalau kerajaan boleh fikir dana yang begitu besar untuk menyelamatkan bank, untuk menyelamatkan syarikat-syarikat bermasalah, kenapa tidak boleh fikir satu dana untuk menyelamatkan terutama sekali bumiputera yang sekarang ini terpaksa ‘dipawahkan’ ke institut IPTS yang terpaksa bayar wang yang begitu banyak. Jadi saya harap sungguh-sungguh supaya jangan sampai parti

pembangkang dapat gunakan isu ini iaitu hanya parti pembangkang yang jahatlah. Baik macam kami tidak apa juga....

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:dia dapat mengeksploitkan isu ini iaitu kerajaan berkorban untuk membantu orang kaya tetapi pada masa yang sama orang miskin, orang pertengahan terpaksa menanggung penderitaan yang begitu hebat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak beri jalan sedikit sahaja. Ini masa kecederaan.

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan kepada sahabat saya dari Kubang Kerian. Adakah saudara sedar bahawa pelajar-pelajar matrikulasi yang dihantar dan yang difrancaiskan ke IPTA ke IPTS dan kolej-kolej swasta adalah ditanggung oleh kerajaan. Kalau saudara tidak jelas saudara boleh tanya saya. Saya boleh beri statistik satu persatu ke mana dia pergi dan berapa banyak yang kerajaan bayar. Berapa juta tahun ini, janganlah buat sweeping statement dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya bercakap dari segi pengalaman kerana di Arau ada 7 orang pelajar yang masuk matrikulasi terpaksa ditarik balik pergi ke Tingkatan 6 kerana mereka diminta yuran iaitu bayaran permulaan RM2,000 - RM3,000 seorang. Jadi ini tidak dapat dielakkan berlaku di semua kawasan sekarang ini. Ini masalah besar yang kita hadapi iaitu masalah pendidikan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, dia bangun lagi, beri jalan tidak Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang di peringkat awal ada sedikit kekeliruan di dalam pembayaran asal tetapi perkara ini telah pun dibereskan. Saya tahu feel pihak pembangkang, dia ambil yang agaknya in their favour sahaja, cerita-cerita yang menarik iaitu cerita-cerita yang boleh memperkukuhkan dia punya political stature tetapi dalam konteks ini tidakkah juga Islam menuntut supaya kita mencari kebenaran dan juga kita berdiri di atas kebenaran dan kita menuju ke jalan yang lurus. Jangan jalan yang melencong-lencong, itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih Parit Sulong. Siapa yang saya hendak percaya di dalam Parlimen ini, Parit Sulong atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan? Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bila disoal hal ini beliau mengatakan kita masih di peringkat perundingan untuk menentukan yuran dan sebagainya. Kalau berunding mungkin kita boleh dapat - mungkin tidak tetapi Parit Sulong kata semua telah selesai. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengatakan tidak. Jadi tentulah saya percaya yang lebih senior iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan di sini. Bukan saya hendak tolak 100% tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengatakan masalah francais ini, yuran dan sebagainya sekarang masih di peringkat perundingan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah dia - dia lencongkan sedikit. Memanglah saya katakan di peringkat awal ada kegawatan sedikit. Masalah telah pun diatasi dan majoriti daripada 8,000 orang pelajar matrikulasi telah pun mendapat tajaan. Pada peringkat awal ada kekeliruan tetapi setelah situasi itu diatasi maka disusul balik anak-anak yang telah pun mendapat tawaran ke kolej-kolej swasta atas tiket matrikulasi yang telah pun balik oleh

kerana terkejut. Saya sendiri terkejut kalau kena bayar yuran RM2,000 tetapi apabila perkara ini diatasi maka disusul semula anak-anak ini. Jadi janganlah terlalu terus menerus hendak dipolimikkan perkara ini tanpa usul periksa sepenuhnya. Mungkin ada masalah yang belum beres di peringkat akhir. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, ya, akhirnya Parit Sulong mengakui perkara ini masih disusuli. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang bercakap begitu dan pegawai-pegawai kerajaan pun tahu anak-anak mereka sekarang dan bagaimana mereka menghadapi masalah. Ini betul kita bukan bercakap main-main.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita kena lihat di antara negara yang telah membuat program seperti Pengurusan Danaharta ini ialah Mexico. Saya juga ingin penjelasan setakat mana kejayaan Mexico di sudut menaikkan ekonomi mereka setelah berada di tahap yang begitu teruk kira-kira 5 - 6 tahun dahulu dan adakah mata wang mereka pulih dan berapa lama mata wang mereka pulih setelah program Danaharta ini dijalankan di Mexico? Adakah kita boleh membuat contoh seperti yang berlaku di Mexico itu? Hanya sekadar ini sahajalah kerana saya janji kepada Tuan Yang di-Pertua, sepuluh minit maka walaupun ucapan ini saya sedia untuk setengah jam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan kritikan ke atas Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998. Saya merasa gembira di atas sokongan positif dan cadangan-cadangan membina yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat ke atas rang undang-undang tersebut. Pihak kementerian akan mengambil segala teguran di mana teguran itu akan dijadikan panduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jaminan bahawa Danaharta ini akan diuruskan dengan baik dan seperti mana yang kita sedia maklum pegawai-pegawai yang telah diambil daripada individu-individu yang mempunyai kelulusan yang sempurna dan kelulusan yang sesuai dengan pengurusan ini dan orang yang telah menunjukkan rekod-rekod yang baik di dalam kerja-kerja mereka sebelum itu. Sebelum saya mengulas lebih lanjut iaitu isu spesifik yang dibangkitkan berkaitan dengan rang undang-undang berkenaan, saya ingin memberi penjelasan terlebih dahulu ke atas isu-isu am yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah meminta penjelasan mengenai nisbah pinjaman tidak berbayar atau NPL. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat baru berbahas tadi iaitu dari Mentakab, sehingga bulan Mei 1998 nisbah NPL dalam sistem perbankan kepada jumlah pinjaman ialah RM8.5%. Pada akhir April 1998 jumlah NPL bersih sistem perbankan dari segi mata wang sebanyak RM31.6 bilion seperti mana yang disebutkan oleh Ahli dari Kota Melaka tadi. Nilainya dikira berasaskan kepada panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara bagi mengklasifikasikan pinjaman-pinjaman yang tidak berbayar bagi tempoh lebih daripada 3 bulan. Itu sebagai NPL. Tempoh ini digunakan agar institusi perbankan dapat mengawasi dan mengawal pinjaman yang dijangka boleh menimbulkan masalah agar langkah-langkah awal boleh diambil seperti menyediakan peruntukan menghadapi kerugian. Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan mengenai langkah-langkah yang patut diambil oleh pihak bank demi memelihara keteguhan industri perbankan dan mengelakkan tahap NPL meningkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara

sentiasa berusaha untuk mengawal dan mengukuhkan sistem perbankan negara dengan memperkenalkan beberapa langkah yang antara lainnya:

- (i) mengehendkan pendedahan institusi perbankan kepada sektor tidak produktif seperti hartanah dan sekuriti;
- (ii) mensyaratkan rancangan kredit disediakan oleh setiap institusi perbankan untuk mengawal tahap peningkatan jumlah pinjaman; dan
- (iii) melarang dengan izin, interrelated party landing.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Machang pula telah membangkitkan mengenai kelemahan dalam pengurusan pinjaman dalam sistem perbankan yang telah menyebabkan NPL menjadi tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat pihak kerajaan amat menyedari risiko yang wujud dalam industri ini dan telah mengambil langkah awal sebelum kegawatan ekonomi sebelum mengehendkan pinjaman kepada sektor-sektor tertentu seperti sektor hartanah dan pembelian sekuriti.

Sehubungan dengan ini, Ahli Yang Berhormat dari Machang telah membangkitkan mengenai bank-bank yang telah memberi pinjaman besar sehingga berjumlah berjuta-juta ringgit kepada individu tertentu yang menyebabkan bank berkenaan menghadapi masalah NPL.

Untuk makluman Yang Berhormat jumlah pinjaman maksimum kepada seorang pelanggan adalah tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung had kredit kepada seorang pelanggan atau dengan izin single customer limit. Had ini telah dikurangkan kepada 25% daripada wang modal institusi perbankan secara individu dan berkumpulan. Ini akan mengehendkan pendedahan sesuatu institusi terhadap seseorang pelanggan. Ahli Yang Berhormat dari Machang juga telah membangkitkan mengenai sistem perbankan tempatan yang sepatutnya telah lebih matang dan menumpukan lebih perhatian terhadap

aktiviti berasaskan fee dan bukannya bergantung kepada aktiviti pengambilan deposit dan pemberian pinjaman sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa kini bank-bank saudagar dikehendaki memperolehi pendapatan utama mereka daripada aktiviti berasaskan fee. Walau bagaimanapun kerajaan sedar keperluan dana tempatan masih tertumpu kepada institusi perbankan sebagai salah satu sumber pembiayaan. Sehubungan dengan itu langkah-langkah tertentu telah dan akan terus diambil untuk membangunkan pasaran modal di Malaysia bagi mempertingkatkan sumbangannya di dalam memenuhi keperluan pembiayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya memberi penjelasan kepada isu-isu spesifik berkaitan dengan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Machang membangkitkan isu mengenai percanggahan peruntukan Akta ini dengan hak-hak individu yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ingin saya jelaskan tidak wujud apa-apa percanggahan dengan perkara 13 Perlembagaan Persekutuan kerana Danaharta hanya mengambilalih tugas bank atas dasar kontrak dan bukannya pengambilan alih harta peminjam secara paksa. Danaharta tidak boleh mengambil alih sesuatu aset secara paksa. Setiap perolehan aset mesti dirundingkan di antara Danaharta dengan penjual iaitu bank atau institusi kewangan. Urusniaga hanya boleh diteruskan sekiranya penjual bersetuju untuk menjual aset tersebut kepada Danaharta dan kedua-dua belah pihak sama-sama bersetuju dengan terma-terma urusniaga tersebut. Selepas Danaharta membeli sesuatu NPL tersebut ia akan mengambil alih tempat dengan izin, *step into the shoes of the bank* serta menerima

segala hak dan obligasi bank itu di dalam NPL berkenaan. Dengan itu kedudukan peminjam tidak akan berubah. Bezanya peminjam kini berhutang dengan Danaharta dan bukan lagi dengan bank peminjam asal.

Selepas dari pengambilalihan ini Danaharta akan meneruskan pinjaman berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang sedia ada. Untuk Ahli Yang Berhormat, konsep perletakhakkan bukanlah merupakan sebuah konsep baru, kerana seksyen 50 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 memperuntukkan perletakhakkan statutory apabila dua buah bank bercantum. Dalam sesebuah percantuman, bank pengambil alih akan menggantikan tempat bank penjual dan pinjaman seseorang peminjam adalah terletak hak atau dipindahkan kepada bank pengambil alih.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju membangkitkan mengenai kawalan ke atas penggunaan kuasa-kuasa khas Danaharta. Rang undang-undang ini mengandungi mekanisme kawalan dan imbalan atau dengan izin, check and balance yang tersendiri. Sebagai contoh, ia memperuntukkan pembentukan sebuah jawatankuasa selia yang bebas untuk mengawasi perjalanan fungsi Danaharta. Jawatankuasa selia akan memastikan pentadbir-pentadbir khas dan penasihat-penasihat bebas yang dilantik adalah benar-benar layak dan bersifat bebas. Segala cadangan pentadbir khas perlu mendapat persetujuan penasihat bebas badan-badan kawal selia yang berkenaan dan pemiutang bercagar supaya kepentingan semua pihak dilindungi.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Machang dan Tambun telah membangkitkan mengenai harga pembelian NPL dan Danaharta. Ingin saya jelaskan bahawa Danaharta akan membeli NPL mengikut, dengan izin, fair market value semasa merundingkan pengambilan alih NPL dengan pihak penjual. Oleh itu, Danaharta tidak akan mengambil kesempatan membeli NPL atau aset dengan harga paksa ataupun dengan izin, force sale value. Danaharta hanya akan

membayar harga yang berpatutan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Namun demikian, jika pihak bank tidak membuat peruntukan hutang lapuk yang mencukupi bagi menampung penurunan nilai aset disebabkan oleh harga jualan yang lebih rendah, pihak bank akan mengalami kerugian di dalam penjualan NPL ini. Oleh kerana itu, kerajaan telah mengumumkan pembentukan sebuah, dengan izin, special purpose vehicle untuk menambah kembali modal sektor perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pula membangkitkan mengenai kemungkinan Danaharta beroperasi sebagai agensi penyelamat ataupun dengan izin, bail out agency.

Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju pula mengesyorkan supaya Danaharta memberi pertimbangan istimewa untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera yang mempunyai pinjaman bermasalah. Dalam hal ini ingin saya menegaskan sekali lagi bahawa objektif utama Danaharta ialah untuk meringankan beban NPL yang ditanggung oleh bank-bank dan bukannya untuk membantu industri-industri secara langsung. Walaupun Danaharta tidak membantu industri-industri bukan perbankan secara langsung, tetapi apabila sistem perbankan cergas semula, industri-industri yang berdaya maju termasuk syarikat-syarikat bumiputera yang patut menerima bantuan boleh mendapatkan pembiayaan pada kos yang serendah mungkin. Danaharta juga tidak akan menjadi sebuah badan penyelamat syarikat ataupun dengan izin, bail out vehicle, kerana misinya khusus untuk mencergaskan semula sektor kewangan. Itu misi Danaharta. Misi ini tidak akan tergugat....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ada yang bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:kerana operasi Danaharta akan bersifat telus dan adil.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kata bahawa misi pengurusan Danaharta Nasional Berhad ialah untuk mencergaskan liquidity bank-bank dan bukan untuk menyelamatkan apa-apa syarikat, tetapi akhirnya bukannya ini akan ada kesan itu dan bagaimana ada safeguard untuk mencegah AMC ini menjadikan a bail out of last resort syarikat-syarikat atau individu-individu yang ada masalah, tetapi oleh kerana mereka ada hubungan khas dengan mereka yang berkuasa, kroni kapitalis boleh di'short term'. Bagaimana ini boleh dicegahkan, dan bukannya benar bahawa sekarang ada satu senarai syarikat-syarikat yang harap boleh dapat diselamatkan apabila AMC ini ditubuhkan, dan apa syarikat-syarikat tersebut, adakah ini termasuk Renong, UEM dan lain-lain?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan senarai itu saya sendiri tidak mengetahui tentang wujudnya senarai itu. Jadi, saya tidak boleh menjawab apakah benar wujudnya senarai Yang Berhormat kata tadi. Yang Berhormat lebih tahu daripada saya tentang hal ini. Jadi, kalau Yang Berhormat ada, saya pun hendak minta tumpang tengok apa yang ada pada Yang Berhormat senarai itu. Saya pun tidak tahu, tidak pernah dengar.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana AMC sudah bergerak sebelum rang undang-undang ini diketengahkan di Dewan yang mulia ini, sebelum ia diluluskan ia sudah di'incorporated' di bawah Akta Syarikat dan tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri patut tahulah apa syarikat-syarikat yang sudah disenaraikan di mana NPL mereka akan diambil alih dan mereka diselamatkan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang AMC lakukan sekarang ialah menyiapkan dirinya. Yang Berhormat mengata sudah bergerak. Jadi, persoalan sekarang AMC ataupun pengurusan AMC harus menyiapkan house keepingnya dahulu dan selepas itu AMC sebagai satu badan pengurusan Danaharta ini akan melihat NPL mana yang patut diambil alih, bukan

ia tengok dari segi syarikat-syarikat mana. Jadi, persoalannya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi mungkin tidak berlaku. Dan persoalan awal Yang Berhormat bangkit tadi, apakah industri-industri akan terlibat atau berkesan. Apa yang saya ingin tekankan di sini di dalam transaksi Danaharta dengan bank-bank, AMC sendiri akan berhubung dengan bank, tidak ada kaitan dengan syarikat-syarikat lain yang terlibat. Jadi, AMC sebagai satu badan, ianya akan melihat dari segi mikro apakah yang patut dilakukan untuk menyelamatkan kedudukan illiquidity ataupun kurangnya liquidity di bank. Ia bukan semestinya untuk menyelamatkan sesiapa secara individu.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Wangsa Maju bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sekejap....di mana NPL yang boleh diambil alih dan asetnya diuruskan dengan baik untuk memastikan bahawa sistem perbankan kita tidak terus terganggu.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada fahaman saya ini betul, iaitu proses memulakan soal rundingan antara bank mengenai NPL ini dengan Danaharta adalah dimulakan oleh bank sendiri, bukan Danaharta. Bank yang mengatakan hendak menjual sekian-sekian NPL kepada Danaharta, kemudian baru proses itu bermula.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu benar, tetapi Danaharta mempunyai kebebasan dan hak untuk memilih atau memberi prioritas kepada mana-mana NPL yang dia lakukan. Jadi, timbal balas ini berlaku. Kalau kita hendak kata siapa mula dahulu, kalau kata siapa, ini timbal balas yang selalu berlaku yang selalu dinamis. Kalau bank membuat offer, dengan izin, mana-mana

NPL kepada Danaharta, kalau Danaharta memikir bahawa itu tidak mempunyai priority, maka Danaharta bebas untuk memilih, menerima ataupun menolak.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan atau biar saya bertanya soalan begini. Adakah Danaharta mempunyai tanggungjawab untuk mengkaji NPL bank-bank, kemudian mengatakan ini pun perlu diambil alih olehnya atau ini adalah hak bank itu sendiri menilai dalam perhitungan balance sheetnya bahawa ini boleh setelah, mungkin dia sendiri telah berunding dengan pihak pemiutang bahawa adalah menyusun semula rescheduled dan sebagainya, kemudian baru dia buat. Ini memang sudah teruk sangat, maka....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua pilihan itu adalah diberi kepada bank mahu pun Danaharta. Bank boleh membuat offer, dengan izin, Danaharta boleh memilih. Jadi, persoalan itu tidak timbul siapa yang initiate ataupun mendayautamakan. Jadi, persoalan inilah yang saya kata perlakuan perundingan di antara dua parti ini perlu wujud.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Berikutan daripada soalan Yang Berhormat dari Wangsa Maju, oleh kerana tidak dapat jawapan yang tepat, soalan saya ialah bank boleh offer jual NPL kepada Danaharta. Bolehkah Danaharta sendiri offer beli NPL tanpa ada offer jualan oleh NPL, itu yang kita interested.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jawabnya boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehlah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sebab itu saya kata kedua-dua ini boleh memilih. Kedua option tadi....

Tuan Lim Kit Siang: Okay, kalau begitu bukan kita boleh buat andaian tentulah Danaharta ada satu senarai penuh NPL. Kalau tidak, bagaimana boleh

buat inisiatif sendiri kita mahu offer beli dan lain-lain. Ada satu senarai penuh NPL. Bolehkah kerajaan menimbang supaya senarai penuh NPL dibentang dalam Parlimen untuk pengetahuan ahli-ahli Parlimen?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat baca di dalam rang undang-undang tadi, AMC ataupun Danaharta akan membentangkan laporan-laporannya secara telus. Ia tidak payah bentang dalam Parlimen, ia akan mengeluarkan laporan-laporan tertentu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat sudah baca? Saya sudah baca, ada segala apa yang dibentangkan sebagai....

Tuan Lim Kit Siang: *[Sambil menunjuk rang undang-undang]* Mana itu?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya pun tidak tahu, tetapi saya ingat ada dia akan membentangkan laporan-laporan. Ia sebagai ROC. Tidak payah dok carilah, tetapi persoalannya....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ada.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada. Saya kata tidak ada. Mana?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sebagai sebuah syarikat di bawah ROC....

Tuan Lim Kit Siang: Syarikat sahaja.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:yang akan membentangkan segala laporan-laporan.

Tuan Michael Lisa Kaya: Sebagai syarikat berkanun.

Tuan Lim Kit Siang: ROC sahaja, tidak ada lengkap.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yalah, di bawah ROC ia akan secara automatik ia terpaksa.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak lengkap.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, Yang Berhormat boleh membuat segala andaian Yang Berhormat hendak buat. Jikalau satu niat yang baik Yang Berhormat hendak cakap andaian itu dan andaian ini, jadi any...

Tuan Lim Kit Siang: Mis inform, peruntukan itu, mis inform Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya ingat saya baca di sini ada peruntukan untuk ia membuat laporan-laporan tertentu.

Tuan Lim Kit Siang: Pegawai-pegawai di belakang.....quick, quick.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya mengambil....

Tuan Lim Kit Siang: I think no.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [*Menerima jawapan daripada Bentara*] Ini boleh tolong.

Tuan Michael Lisa Kaya: Behave 'properly'lah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Seksyen 812, iaitu....

Tuan Lim Kit Siang: Itu audited.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:membuat kajian.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, audited, bukan full report.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu yang saya maksudkan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan full report, bukan untuk Parlimen.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya kata tadi tidak perlu dibawa dalam Parlimen. Report itu....

Tuan Lim Kit Siang: Itulah kata kita bawa ke Parlimen.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Report itu disediakan untuk umum. Mana-mana laporan yang dibuat oleh syarikat yang diregister di bawah ROC....

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:membuat satu laporan umum.

Tuan Lim Kit Siang: It is not satisfactory.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat hendak satisfactory macam mana lagi. *[Ketawa]* Jadi, ini ketelusan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain Danaharta akan mengisytiharkan langkah-langkah misinya untuk mencergaskan semula sektor kewangan. Yang pertama, kaedah dan pendekatan penilaian aset yang akan digunakan, iaitu kaedah dan pendekatan penilaian aset yang akan digunakan....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:statistik kewangannya yang memenuhi protokol komersial antarabangsa.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum kita masuk mengenai kaedah penilaian aset-aset dan lain-lain, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menegaskan bahawa misi matlamat AMC ialah untuk mencergaskan liquidity bank-bank untuk mengurangkan beban bank-bank dan bukan untuk menyelamatkan apa-apa syarikat yang ada masalah. Tetapi tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kekhuatiran, kesangsian orang ramai ialah sungguhpun itulah decrypt objective AMC, tetapi apabila beroperasi ia akan beroperasi utamanya sebagai bail out agensi dan bukan untuk mencergaskan liquidity bank-bank. Apakah sikap yang boleh mengatasi untuk mencegah keadaan semacam ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat boleh membuat apa-apa andaian mengikut nafsu Yang Berhormat. Kalau misinya dikatakan ialah untuk mencergaskan liquidity bank-bank, itu akan dilakukannya. Persoalan andaian-andaian mengenai apa yang akan dilakukannya berlawanan dengan misi utamanya, itu persoalan andaian. Siapa pun boleh membuat andaian. Jadi, sebelum benda ini berjalan, Yang Berhormat sudah bercakap tentang andaian-andaian yang di dalam dunia ini mungkin berlaku, tetapi dari segi kemungkinan ataupun 'probability'nya

adalah rendah jikalau misi itu dipegang oleh pihak pengurusan dan pihak yang mengawal Syarikat Danaharta ini.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti bahawa pihak kerajaan tidak akan ambil apa-apa langkah supaya memastikan bahawa AMC akhirnya tidak menjadi satu bail-out agency dan menyeleweng daripada matlamat yang asal.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kerajaan akan memastikan bahawa AMC tidak akan menjadi bail-out agency dan AMC akan terus menjalankan misinya sebagai satu badan untuk memperbaiki sistem perbankan negara. Ini saya nyatakan di sini. Kalau Yang Berhormat hendak membuat apa-apa andaian, seribu andaian sekali pun, itu hak Yang Berhormat. Tetapi jaminan saya di sini ialah kerajaan akan memastikan bahawa AMC tidak akan lari dari misi dan objektifnya.

Perkara ketiga ialah menerbitkan laporan tahunan aktivitiinya. Jadi, ini tiga langkah yang akan diambil oleh AMC untuk memastikan bahawa usaha untuk mencergaskan liquidity bank terus berjaya. Sebagai tambahan, pentadbiran Danaharta akan berpandukan amalan-amalan terbaik antarabangsa. Sebuah Lembaga Pengarah yang bebas akan dibentuk untuk mengawal perjalanan Danaharta dan beberapa jawatankuasa eksekutif. Contohnya Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti akan diwujudkan untuk meneliti perjalanan operasi Danaharta. Berkaitan dengan ini Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga menimbulkan isu bahawa rang undang-undang ini tidak mengandungi butiran terperinci tentang perkara-perkara seperti:

- (i) memorandum dan artikel penubuhan Danaharta;
- (ii) kriteria pemilihan dan kelayakan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Danaharta;
- (iii) kaedah penilaian aset yang akan diambil oleh Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Danaharta adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta

Syarikat seperti saya kata tadi, memorandum dan artikelnya, penubuhannya adalah disimpan di Pejabat Pendaftar Syarikat untuk diperiksa oleh pihak awam termasuk Yang Berhormat dari Tanjong juga. Kalau sesiapa sahaja mempunyai interest ataupun minat untuk melihatnya, maka bolehlah menyemak daripada syarikat ataupun pejabat ROC. Mengenai butiran terperinci tentang kriteria pemilihan dan kelayakan Ahli-ahli Lembaga Pengarah pula, ianya ada terkandung dalam jadual pertama kepada rang undang-undang ini. Secara ringkasnya seorang pengarah perlu mempunyai kecekapan, kejujuran, kebolehan dan kerajinan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah.

Dari segi kaedah penilaian aset pula.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: ...Danaharta akan menggunakan kaedah yang telus dan akan menerbitkan perkara-perkara berikut, biar saya baca...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Biar saya baca:

- (i) pelan perniagaan atau dengan izin, business plan;
- (ii) kaedah penilaian atau dengan izin, valuation methodology; dan
- (iii) laporan-laporan terperinci perihal pemberian aset yang akan diguna pakai oleh Danaharta.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat kata ada kriteria-kriteria untuk pemilihan ahli-ahli Lembaga dan beliau sebut mengenai schedule di mana ada disebut seorang yang patut ada probity, competence, soundness of judgement. Ini mengenai revocation, tetapi tidak mengapa. Probity, competence, soundness of judgement for filling responsibilities as a member of the Board. Ini selepas dilantik. Kalau tunjuk dia tidak ada probity, tidak ada

competence, tidak ada soundness of judgement barulah mungkin mahu revoke membatalkan perlantikannya dan deligence....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat, Yang Berhormat telah membentangkan pindaan, itu di dalam Committee Stage nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Bolehkah kita selamatkan masa, kita bahaskan dalam Committee Stage.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh. Okay, itu boleh.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kita bahas dalam Committee Stage.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa adalah kerajaan akan buat jaminan bahawa AMC tidak akan menyeleweng daripada matlamat asalnya. Kita tahu jaminan boleh dibuat dalam Dewan yang mulia ini. Selepas pengkuatkuasaan undang-undang itu perkara yang lain yang pernah berlaku semacam Akta Pengambilan Tanah bahawa tidak akan ada apa-apa penyelewengan. Tetapi apabila akta itu dikuatkuasakan, seluruh negara huru-hara oleh kerana penyelewengan, ambil tanah untuk tujuan pembangunan swasta untuk memperkayakan segelintir orang kroni kapitalis dalam Barisan Nasional. Ini guarantee, jaminan di sini oleh Timbalan Perdana Menteri semasa itu, tetapi tidak dikotakan. Sebab itu, janji mulut sahaja tidak guna. Kita mahu tengok apa ada dalam akta. Akta patut ada peruntukan-peruntukan di mana boleh memastikan bahawa matlamat asal AMC ialah untuk mencegah kegiatan-kegiatan bank tidak mungkin diselewengkan menjadi government bail-out agency. Adakah dalam rang undang-undang ini? Kenapa tidak boleh dituliskan ada peruntukan-peruntukan supaya penyelewengan itu tidak mungkin berlaku. Itulah soalan yang pokok.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang kuasa dan juga fungsi syarikat ataupun syarikat Danaharta telah pun dituliskan. Apa lagi yang hendak dituliskan. Kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa penyelewengan berlaku, itu telah pun diperbaiki dan persoalannya ialah kalau Yang Berhormat boleh membuat andaian-andaian, saya pun boleh membuat jaminan-jaminan berasaskan kepada mission syarikat ini. Jadi, tidak perlulah kita go round the issue dan berhujah berpusing-pusing,

tetapi di sini misinya adalah sebagai satu agensi untuk mencergaskan semula liquidity ataupun kecairan bank. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Henrynus Amin: *[Bangun]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:oleh kerana Danaharta....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kinabalu bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:....akan menerbitkan secara terperinci perkara-perkara berkaitan dengan pelaksanaan operasinya itu, saya rasa ianya tidak perlu dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mempersoalkan apakah kaedah penguatkuasaan terkandung dalam rang undang-undang ini bagi menangani kemungkinan berlakunya rasuah, fraud atau salah laku yang lain. Seksyen 54 rang undang-undang ini jelas mewajibkan tanggungjawab pentadbir khas untuk melaporkan fraud, misfeasance ataupun salahlaku lain berkaitan penajaan, penubuhan dan pengurusan syarikat di bawah kawalannya kepada badan kawal selia atau pihak penguatkuasaan yang berkenaan.

Tuan Henrynus Amin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri. Tadi saya tidak ada peluang untuk berucap, jadi saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanya mengenai satu persoalan, itu tentang peruntukan dalam undang-undang di sini, iaitu jaminan ada disentuh juga oleh Ketua Pembangkang tadi khususnya seksyen 16, subseksyen 2(b). Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa persetujuan telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mengenai dengan perkara ini. Jadi, oleh kerana kita mempunyai Land Ordinance 1968, iaitu tanah yang dimiliki oleh anak negeri atau bumiputera tidak boleh diniagakan. Jadi, saya ingin tahu sekiranya persetujuan telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah, saya ingin tahu bilakah persetujuan telah diperolehi, dalam apa bentuk persetujuan yang diberi, siapakah yang memberi persetujuan, adakah Dewan Undangan Negeri ataupun Ketua Menteri sahaja. Kerana ini

penting adalah public interest mengenai dengan perkara ini dan Parti Bersatu Sabah pada dasarnya setakat ini tidak setuju supaya secara terkasar kita menyerahkan hak perundangan ini kepada Syarikat Danaharta ataupun melalui akta ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya hanya boleh menyatakan apa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata. Mengenai bentuk, siapa yang memberi, saya tidak dapat, saya tidak ada butir-butirnya ataupun maklumat mengenainya. Boleh saya jawab pada minggu depan kepada Yang Berhormat secara bertulis mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tambun juga ada menyuarakan keraguan mengenai keupayaan dan keberkesanan Danaharta untuk menguruskan aset-aset yang bermasalah, sedangkan pihak bank yang mempunyai pengalaman yang luas gagal untuk memulihkan aset-aset berkenaan. Dalam hal ini, ingin saya tekankan bahawa Danaharta ialah sebuah syarikat pengurusan aset dan bukannya sebuah bank. Dengan itu, rang undang-undang ini akan memberikan Danaharta kuasa-kuasa khas untuk menumpukan perhatian khusus bagi memulihkan aset bermasalah. Dengan ini, Danaharta dijangka boleh menjadi lebih berkesan bagi mencapai objektif dari bank-bank biasa. Bagi tujuan tersebut Danaharta akan menggembeng tenaga kerja mahir termasuk perunding-perunding dalam industri khusus seperti pengurusan hartanah, pembuatan dan kewangan untuk melakukan pemulihan ke atas aset-aset berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar juga telah membangkitkan mengenai peruntukan-peruntukan rang undang-undang ini yang ada menyentuh peruntukan undang-undang berkaitan tanah di Sabah dan di Sarawak. Sehubungan dengan ini, Kerajaan Persekutuan berhasrat....

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tambun bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:untuk mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk mengambil tindakan bagi menyesuaikan Ordinan Tanah Sabah dan Kanun Tanah Sarawak untuk memberi kuasa kepada Danaharta seperti yang

diperlukan. Ini akan membolehkan Danaharta menguruskan NPL yang terdapat di negeri-negeri itu.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang soal expertist dan pemulihan aset. Kalau kita buat andaian kita ada 15 buah bank dan setiap bank ada 30 NPL yang dipindahkan. Jadi, bermakna ada 450 NPL dan ini diletakkan dalam satu syarikat dan syarikat ini akan menggunakan expertist daripada pelbagai bidang untuk membantu. Apa bezanya kalau 15 bank dia jaga hanya 30 NPL dan expertist tadi digunakan di dalam bank tadi, dia lebih mudah kerana satu bank jaga 50, satu syarikat jaga 450, itu yang saya persoal.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu satu cadangan yang baik sebagai satu daripada kaedah pengurusan. Kaedah Yang Berhormat bolehlah diambil perhatian oleh pihak pengurusan Danaharta untuk dicuba. Terima kasih, Yang Berhormat atas cadangan itu dan ianya tentu sekali akan menyumbang kepada kemudahan ataupun kelicinan pengurusan yang akan dibuat oleh Danaharta nanti. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah membangkitkan mengenai hak negeri-negeri ke atas Tanah Rizab Melayu dan Tanah Natif, dengan izin, native land seperti yang terdapat di Sabah dan di Sarawak. Saya ingin menegaskan bahawa rang undang-undang ini tidak memberi hak kepada Danaharta untuk mengambil alih hak milik ke atas Tanah Rizab Melayu atau Tanah Natif di Sabah dan di Sarawak tanpa izin pihak berkuasa di negeri-negeri itu.

Beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk daripada Kota Melaka telah membangkitkan sama ada Danaharta akan memperolehi dana yang mencukupi untuk menangani masalah NPL dan sama ada ianya berdaya maju. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Danaharta dijangka akan memerlukan pembiayaan dalam lingkungan RM20 bilion. Ini dirasakan telah mencukupi berasaskan kepada anggapan-anggapan berikut:

- (i) bahawa ada kemungkinan sesetengah bank yang kukuh tidak akan menjual NPL mereka kepada Danaharta;
- (ii) Danaharta hanya akan membeli NPL pada nilai pasaran yang adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap, kita ada usul. Sila kemukakan.

USUL

***WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT***

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diluluskan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diluluskan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diluluskan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ketiga, Danaharta tidak akan memasukkan pinjaman-pinjaman berkaitan kredit pengguna atau dengan izin, consumer credit dan pinjaman-pinjaman kecil dalam portfolio NPL yang akan diambilalih olehnya. Anggaran jumlah RM25 bilion ini dijangka masih mencukupi walaupun jika tahap NPL meningkat ke paras 20 hingga 25% daripada jumlah pinjaman yang diberikan. Namun demikian, jika sekiranya tahap NPL melebihi dari jangkaan ini, Danaharta bersedia untuk mendapatkan pembiayaan tambahan yang diperlukan.

Berkaitan dengan persoalan daya maju atau dengan izin, viability yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas, operasi Danaharta akan berpandukan kepada prinsip-prinsip komersial. Ini bermakna Danaharta akan berusaha memaksimumkan nilai pemulihan NPL yang dibelinya. Walaupun terdapat objektif untuk memaksimumkan nilai pemulihan NPL, pengalaman syarikat-syarikat pengurusan aset atau entiti seumpamanya di negara lain menunjukkan terdapat kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Sebagai contoh, Kerajaan Amerika Syarikat perlu menanggung kos melebihi US\$100 bilion dalam kes resolution trust corporation dan Kerajaan Sweden telah menanggung kos sebanyak Krona Sweden 5 bilion (RM2 bilion) dalam kes 'CEGUREM'Kejayaan sesebuah syarikat pengurusan aset tidak boleh dinilai dari segi aset yang berjaya dipulihkannya sahaja. Kejayaan dan manfaat syarikat-syarikat pengurusan aset nasional harus diukur dari segi kesannya kepada ekonomi secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli dari Kota Melaka telah bercakap panjang mengenai viability dan cadangan-cadangan yang diberinya diambil perhitungan oleh pihak kementerian. Beliau telah bertanya mengenai dengan tahap NPL, saya telah menjawabnya tadi dan juga mengenai dengan perunding-perunding antarabangsa yang Yang Berhormat cadangkan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam membentuk konsep penubuhan Danaharta, kini khidmat perunding-perunding dari kalangan antarabangsa telah dan masih lagi digunakan. Sebagai contoh, Penasihat Strategik Danaharta iaitu Arthur Anderson mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam AMC di Sweden, di Amerika Syarikat, di Mexico dan di Thailand. Jadi,

dimensi ataupun sumbangan daripada kepakaran luar telah pun ada dan akan terus kita gunakan contoh-contoh antarabangsa itu sebagai panduan bagi kita.

Berkenaan dengan laporan polis dan surat Datuk Soh Chee Wen, saya fikir saya tidak perlu jawab perkara itu. Itu hanya rethoric politic Yang Berhormat dari Kota Melaka sahaja.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:..... yang ingin mencuit Presiden MCA ataupun Menteri Pengangkutan. Jadi, tidak payah saya jawablah Yang Berhormat,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:saya jawab perkara substantive sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak tanya satu soalan

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Hendak tanya apa? Mengenai dengan hal itu?

Tuan Lim Guan Eng: Semua perkara yang substantive yang berbangkitlah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang itu tidak kena mengenai mengikut general order number berapa tak tahu. *[Ketawa]*

Tuan Michael Lisa Kaya: Tidak payah, tidak payahlah. You ahli PAC, tidak payahlah.

Tuan Lim Guan Eng: Rasa saya substantive. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ia tidak alternate substantive mengenai Danaharta?

Tuan Lim Guan Eng: Danaharta yang ada sangkut-pautlah. *[Ketawa]* Saya faham tadi Yang Berhormat tidak boleh menjawab semua soalan saya, Tuan Yang di-Pertua kerana beliau mungkin tidak berapa tahu apa yang berlaku dengan Soh Chee Wen, Ling Liong Sik dan anaknya tentang Omega Securities tetapi saya hanya gunakannya sebagai satu contoh di mana good corporate practices or corporate governance yang baik

tidak diikuti, diamalkan. Di sini saya lihat dan tadi Yang Berhormat masih belum memberitahu saya, ini sebagai satu contoh kes Soh Chee Wen yang melibatkan pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional pun mungkin berlaku di dalam bank-bank. Kalau kita lihat dari segi analisa CAMEL, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat akan jawab nanti. Saya akan benarkan Yang Berhormat terus menjawab tetapi ini adalah satu contoh di mana berlakunya campurtangan politik dan kewangan yang sedikit sebanyak mengakibatkan kedudukan yang begitu teruk kepada kita dan saya harap Yang Berhormat boleh terima hakikat ini kerana ini telah dinyatakan oleh penganalisa asing.

Sebagai satu contoh lagi, tentang kadar pertumbuhan ekonomi. Sekarang kerajaan mengakui bahawa ia adalah -1 atau hingga 2 peratus tetapi ini telah dinyatakan lebih awal lagi oleh analisa luar negara dan sekarang analisa luar negara pun cakap ini pun tidak realistik, mungkin lebih teruk lagi 3 hingga 4 peratus. Kalau ini yang berlaku kita hendak satu ketepatan, satu analisa yang tepat, yang betul dan tidak dipengaruhi atau dikongkong oleh unsur-unsur lain. Bolehkah ini dicapai?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak ada kena-mengena dengan Danaharta. Itu persoalan pembelian wang dan seperti mana yang kita tahu apa yang Yang Berhormat hendak cakap tadi kita tahu tetapi biarlah saya jawab perkara substantive Yang Berhormat bangkit dalam soal Danaharta ini.

Seperkara yang paling substantive Yang Berhormat bangkitkan dalam ini ialah mengenai sistem pemantauan Bank Negara Malaysia sama ada mengikut empat aspek yang Yang Berhormat gariskan – 4 aspek seperti pastikan bank beroperasi menurut peraturan yang ditetapkan, adakah bank-bank patuh kepada arahan Bank Negara dan dua lagi integrity system data electronic dan CAMEL. Menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka, ingin saya nyatakan di sini bahawa Bank Negara Malaysia menjalankan sistem pemantauan secara menyeluruh merangkumi kesemua aspek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu memastikan pemantauan menerusi beberapa instruments. Satu, Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA), yang kedua garis panduan serta peraturan-peraturan yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia

dari masa ke semasa, yang ketiga CAMEL seperti Yang Berhormat kata tadi dan yang keempat, aspek-aspek risiko yang menghadapi sesebuah bank itu diambil kira.

Keadaan peningkatan NPL bukanlah disebabkan oleh kesilapan bank tetapi adalah seperti mana yang saya bangun menjawab apa Yang Berhormat kata tadi ini seperti kita bincang ataupun berbahas mengenai dengan perbandingan Yang Berhormat buat di antara apa yang berlaku di sini dengan apa yang berlaku di saving and loan incident ataupun skandal di Amerika itu. Sumbernya ataupun puncanya tidak sama tetapi consequencesnya, dengan izin, adalah sama.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan. Satu daripada prinsip asas good governance ialah arms length relation di antara regulatory body dengan pihak yang di supervise ataupun dalam kes ini di antara bank dengan firma. Saya telah bangkitkan dalam perbahasan kelmarin bahawa kita lihat dan minta penjelasan daripada kementerian. Dalam BAFIA ini adakah ia menyekat pemilikan dua entiti yang ada incestuous, yang berkemungkinan ada incestuous relationship, satu group cooperation yang subsidiarynya ada property subsidiary tetapi dalam group yang sama ada subsidiarynya bank ataupun finance company. Jadi, kewujudan struktur hakmilik yang sebegini rupa adalah satu daripada punca yang melemahkan this arms length relationship antara bank dengan syarikat dan ini boleh menyumbang kepada masalah morale hazard yang ditimbulkan, maknanya standard yang dikenakan ke atas permohonan pinjaman itu menjadi rendah di dalam kes yang sebegini rupa dan saya mohon penjelasan tentang perkara ini.

Ini juga berkaitan dengan hubungan yang mungkin ada kemudian hari di antara AMC dengan banks. Maknanya kita kena ada arms length relation walaupun tidak independent relation tetapi arms length relation di antara AMC dengan bank kerana mengikut penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, inisiatif untuk memulakan pembelian NPL ini boleh datang daripada Danaharta dan juga boleh bank sendiri menawarkan untuk menjual NPL itu. Jadi, timbul soal hubungan antara AMC dengan bank ini pula. Kalau tadi antara bank dengan syarikat, sekarang antara bank dengan AMC. Jadi, saya mohon penjelasan tentang, satu, apakah kita bersetuju untuk melihat tentang incestuous relationship antara bank dengan businesses ini dari segi hakmilik dan

kedua, penjaminan untuk kita memastikan bahawa wujudnya arms length relationship di antara AMC dengan bank di dalam pembelian NPL ini.

Akhirnya, walaupun ada penjelasan di awal tadi tentang peranan Bank Negara, saya masih juga rasa tidak puas kerana kalau pengawasan ke atas – kalaulah eksekutif bank, board of directors bank jadi tidak ketahuan tetapi Bank Negara as the supervisory body sepatutnya boleh mengelak daripada pengembangan kredit yang keterlaluan ke dalam sektor hartanah seperti yang berlaku kerana kita lihat 25% daripada pinjaman yang dikeluarkan, dikeluarkan kepada sektor hartanah dan juga sektor pembangunan. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli dari Balik Pulau bahawa good corporate governance ialah kewujudan satu arms length relationship di antara kumpulan yang mengawal selia iaitu board of directors ataupun board of governess sesuatu syarikat itu ke atas kumpulan, management syarikat itu. Jadi di sini, saya tidak pasti seksyen berapa di bawah BAFIA tetapi kalau kita tengok peraturan-peraturan yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia mengenai dengan individu-individu yang hendak dilantik di dalam mana-mana board ataupun pengerusi bank ataupun syarikat-syarikat kewangan mesti dilalui mengikut skrin Bank Negara Malaysia yang pada saya adalah cukup ketat. Jadi itu satu daripada perlakuan seksyen mana kalau Yang Berhormat tanya mengenai BAFIA, saya tidak bolehlah jawab sekarang ini.

Tetapi juga kita sedar bahawa good corporate governance ini adalah satu usaha untuk menahan daripada berlaku apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi, terma Yang Berhormat seperti incestuous relationship iaitu ambil dari tangan ini dan memberi kepada tangan itu. Jadi ini perlu kita jaga dan kawalkan kerana kalau Yang Berhormat lihat usaha kerajaan melalui Securities Commission baru-baru ini di mana Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission) telahpun mengarahkan BSKL mewujudkan terma-terma baru di dalam syarat-syarat penyenaian iaitu di dalam pemegang-pemegang ataupun penyandang-penyandang ahli lembaga pengarahnya mestilah tidak berlaku apa yang disebut tadi. Jadi, ini disedari oleh pihak kerajaan dan dijalankan di dalam mekanisme pemantauan oleh badan-badan yang memantau seperti Bank Negara Malaysia, Securities Commission, BSKL dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian – saya pun terkeliru dengan treaties yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan apabila bon-bon ini dijual maka inflasi akan naik, macam mana inflasi hendak naik tetapi Yang Berhormat mengelirukan saya, sayapun tidak erti hendak jawab apa Yang Berhormat kelirukan tadi. Lepas itu Yang Berhormat lencong pergi kepada Arau, sayapun kempen di Arau sehingga sekarang, serak lagi tetapi kalah tidak berupayalah. Yang Berhormat sebagai seorang Islam kita berikhtiar tetapi yang hendak bagi ini Allah S.W.T. tetapi janganlah perli, Tuhan marah orang perli orang yang kalah. *[Ketawa]* Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat memberi beberapa cadangan dan kita ambil perhatian cadangan ini dan kita mendengar walaupun pihak pembangkang memberi cadangan/pandangan yang baik, kita akan mengambil perhatian. Kepada Ahli dari Mentakab, terima kasih banyak mengenai dengan cadangan-cadangan yang baik, cadangan-cadangan yang bernas dan soalan-soalan Yang Berhormat tanya tadi, saya tidak dapat jawab kerana ianya terlalu spesifik dan saya akan memberi jawapan pada hari esok yang mana pegawai-pegawai saya akan menentukan jawapan-jawapan itu sebab ianya spesifik dan terlalu spesifik. Saya tidak mahulah jawab apa yang dia kata mengenai DAP, itu di antara dia dan DAP.

Tuan Lim Guan Eng: ... Soh Chee Weng - tidak mahu jawablah...

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tidak, tidak... dia tidak kata Soh Chee Weng, dia kata yang lain, dia kata mengenai Liew Ah Kim dan Wee Choo Keong dan Fung Ket Weng, tak akan Yang Berhormat hendak suruh saya jawab yang itu.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau hendak jawab boleh*[Ketawa]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya jawab nanti Yang Berhormat melenting pula. Yang Berhormat bukan boleh, Yang Berhormat sensitif mengenai hal itu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak melenting, kalau hendak jawab, boleh jawab.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kawan-kawan Ahli Yang Berhormat dari semua parti yang telah memberi pandangan, kami menghargai segala pandangan Yang Berhormat bagi tadi. Saya telah jawab mengenai CAMEL tadi dan lain-lain lagi.

Tuan Lim Guan Eng: CAMEL 1, 2, 3, 4, ada hiraki tak?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, saya telah jawab tadi telah berlaku di

Seorang ahli: Ya, sudah jawab mengenai CAMEL tadi

Tuan Lim Guan Eng: Berapa banyak bank di bawah CAMEL 1, 2, 3 ...

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Semua bank.

Tuan Lim Guan Eng: Semua bank di bawah Camel 1. Eh, saya minta penjelasan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tidak, semua bank yang menjalankan arahan Bank Negara Malaysia.

Tuan Lim Guan Eng: Ada tier ... di mana ada yang paling baik dan tidak baik

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tier, saya tidak tahulah.

Tuan Lim Guan Eng: Itu yang saya tanya, ada tier.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Secara detail saya tidak tahulah. Yang Berhormat tunggulah, saya beri kepada Yang Berhormat apabila Bank Negara Malaysia memberi jawapan kepada saya.

Tuan Lim Guan Eng: Okey, bolehlah saya minta jawapan bertulis. Adakah Yang Berhormat faham, saya cakap ada CAMEL 1, 2, 3 seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat. Jadi saya hendak tahu detailnya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, saya faham, tetapi adakah itu wujud di sini, saya tidak tahu. Boleh saya beri secara bertulis.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya dapat tahu mungkin Bank Negara buat secara

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tidak, Bank Negara Okey, saya mengatakan Camel diimplementasikan di sini.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat hendak apa?

Tuan M. Kulasegaran: Saya tidak diberi peluang sebelum ini untuk berucap, saya ada satu soalan sahaja.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Okey, okey, saya bagi peluang.

Tuan M. Kulasegaran: Ramai penduduk di Malaysia berpendapat dengan adanya Asset Management Company (AMC) ini, bila harta mereka diambil alih oleh AMC dari bank dan sebagainya mereka dilepaskan, mereka tidak ada lagi apa-apa liability. Jadi satu statement perlu dibuat walaupun kita tahu bila Asset Management Company mengambil alih harta dari bank-bank 'there is a shortfall' dengan izin, pihak yang kena bayar perlu bayar juga, itu perlu diberitahu. Yang kedua adalah, bukankah cara yang lebih baik dari AMC kalau pihak-pihak yang tidak dapat membayar kepada bank-bank di mana Non Performing Loan (NPL) dibenar mengeluarkan wang dari KWSP (EPF) untuk membayar terus ke bank supaya suntikan wang yang dikatakan kurang itu dapat dibayar terus. Ini adalah wang pekerja-pekerja sendiri, apakah sebab pada masa sekarang di mana mereka perlu ditolong, wang mereka ada di KWSP kenapa pada masa mereka susah, wang itu tidak dibenar dikeluarkan untuk dibayar kepada bank-bank. Ada satu cara di mana suntikan wang juga berlaku, bukankah ini satu cara yang lebih

baik dari mengambil wang dari rakyat atau KWSP dan sebagainya, mensuntikkan wang terus ke AMC dan selepas itu ke bank? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan dalam Dewan ini, KWSP mempunyai fungsi-fungsi yang khas iaitu memberi sekuriti sosial kepada pesara. Jadi mengapa perlu dicampur-adukkan wang KWSP untuk membayar hutang ini kerana kalau bayar hutang, selepas dia bersara, habislah, akan mempunyai masalah sosial lagi. Jadi Yang Berhormat janganlah .. tadi kita tidak mahu menggunakan KWSP, sekarang Yang Berhormat suruh guna pula dan cadangan Yang Berhormat saya akan mengambil perhatian dan kita akan memberi kaedah-kaedah itu secara terperinci kepada Yang Berhormat. Sekian,

Tuan Lim Guan Eng: Satu lagi, last one.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sudah habis dah.

Tuan Lim Guan Eng: Last one, last one.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Okeylah.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, ini pendek sahaja. Bolehkah Yang Berhormat berikan jaminan bahawa kita tidak perlukan lebih daripada RM25 bilion untuk AMC seperti yang diperuntukkan kerana saya takut ianya mungkin menjangkau ke tahap RM100 bilion. Bolehkah Yang Berhormat berikan satu jaminan bukan hanya sebagai seorang Timbalan Menteri Kewangan, sebagai akademik yang pakar dan dikagumi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya dari Kota Melaka cukup pandai untuk mendapat komitmen daripada saya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua seperti mana yang saya kata tadi walaupun kita membuat anggaran andainya NPL meningkat sehingga 20% hingga 50%, RM25 bilion itu mencukupi kerana saya katakan tadi NPL ini tidak akan atau AMC tidak akan bergerak di kalangan consumer loan. Ia hanya akan pergi kepada loan-loan di dalam sektor produktif sahaja dan juga kemungkinan bank-bank yang mempunyai NPL yang berasaskan aset-aset yang

baik tidak memerlukan intervention daripada AMC. Dan juga saya mengatakan tadi, andainya RM25 bilion ini tidak mencukupi kita akan meluaskan lagi permintaannya. Tetapi insya-Allah, mengikut perkiraan pakar RM25 bilion akan mencukupi. Saya hendak beri jaminan, susahlah, kita semua manusia ada kelemahan, ada kekuatannya. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2) untuk mencadangkan bahawa rang undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan (Select Committee) supaya satu kajian yang lebih terperinci dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan oleh kerana sangat nyata dalam perbahasan dua hari ini bahawa ada banyak tempat di mana rang undang-undang ini perlu lagi satu pengkajian sama ada 'morale hazard' yang disebut oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau atau peruntukan mengenai kaedah-kaedah bagaimana AMC yang akan bertanggungjawab ke atas RM25 bilion separuh daripada budget nasional tidak ada berlaku penyelewengan atau lebih mustahaknya bahawa misi asal AMC untuk mencergaskan liquidity bank-bank tidak menyeleweng dan menjadi satu bail -out agensi. Saya berharap cadangan ini bukan untuk delay atau untuk sabotaj, kita boleh ada satu peruntukan bahawa select committee diberi tanggungjawab untuk maklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam sepuluh hari supaya satu keputusan, satu kelulusan untuk rang undang-undang ini boleh dibuat. Kita bukan menentang rang undang-undang ini. Kita mahu satu rang undang-undang yang sempurna. Sesiapa yang menduduki dalam Select Committee mungkin perlu bekerja dalam 24 jam sehari tetapi saya rasa ini akan memastikan kita ada satu rang undang-undang yang sempurna, yang baik, semua kecacatan boleh dikeluarkan. Itulah cadangan saya supaya ia diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan dan cadangan/usul ini tidak perlu notis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa rang undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 -

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya telah memberi notis untuk membuat satu pindaan kepada Fasal 5 (1), untuk tambah perkataan-perkataan yang berikut:

“ 5. (1) The board of directors of the Corporation, which shall be responsible for the policy and general administration of the affairs and business of the Corporation,” kemudian itu ditambah:

“shall be appointed from among individuals with experience in banking, finance, real estate, and business management”.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai Jadual Pertama dan saya ada menunjukkan bahawa Jadual Pertama tidak sebenarnya memberikan kriteria-kriteria untuk perlantikan ‘board of directors’ untuk AMC satu badan yang sangat penting dan mustahak, RM25 bilion dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi tidak boleh jamin tidak akan lebih besar, tidak boleh jamin, mungkin RM40 bilion, sekurang-kurang RM25 bilion ke RM40 bilion. Mungkin boleh jamin tidak sampai RM100 bilion, tetapi bolehkah jamin tidak sampai RM40 bilion. Kita perlu orang-orang yang sebenarnya pakar dalam bidang tertentu khasnya dalam ‘banking, finance, real estate, and business management’ apa guna kita lantik orang yang tidak fasih dalam banking atau finance, real estate atau business management. Sebab itu sangat mustahak oleh kerana ini bukan satu agensi atau badan-badan yang biasa, ini khas dan saya rasa ini mustahak supaya kita ada satu board yang sebenarnya layak oleh kerana tanpa kriteria-kriteria ini, apa-apa kroni, coterie boleh dilantik. Kriteria coterie boleh masuk, bagaimana boleh mencegahnya?

Yang kedua saya mahu meminta penjelasan mengenai apa yang ada di dalam 5 (1) di mana Ahli-ahli Lembaga ialah:

- (a) *a non-executive Chairman;*
- (b) *a Managing Director;*
- (c) *two Federal Government officials;*
- (d) *three members from the private sector;*
- (e) *two members from the international community.*

Yang pertama, kelima-lima mereka sekurang-kurangnya ada kriteria yang sama, mereka pakar, mereka ada pengalaman dalam banking, finance, real estate, business management.

Kedua, mengapa ada dilantik 2 members dalam international community? Bukankah ini menjejaskan kedaulatan (sovereignty), kebebasan negara kita. Tidakkah kita sendiri layak untuk mengendalikan hal kita. Ada Ahli-ahli Parlimen kata tidak mahu IMF, Perdana Menteri kata tidak mahu IMF, nampaknya mungkin melalui pintu belakang ada IMF masuk, dua members from the international community. Mengapa kita perlu, adakah ini mengakui bahawa kita tidak orang yang layak dan saya rasa ini patut ditarik balik, tidak perlu two members from the international community, lagi two members from Malaysian community, show we a patriotic, show that we love Malaysia, jangan ada apa-apa pindaan yang menjejaskan kedaulatan (sovereignty), independent Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memberikan sokongan kepada pindaan ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Nepotism.

Tuan Lim Guan Eng: Sungguhpun Yang Berhormat daripada BBC ini hendak teriak-teriaklah. Tetapi ini perkara yang penting. Dan untuk memastikan bahawa 'KKN' tidak berlaku saya rasa korupsi, kolusi dan nepotisma tidak berlaku. Adalah penting bahawa kita memastikan orang-orang yang berkeelayakan

dan berkemampuan, yang berkelibar dilantik menjadi ahli lembaga pengarah. Dan pada masa yang sama saya rasa adalah perlu bahawa mereka datang daripada rakyat Malaysia. Dan saya rasa kita perlukan nasihat daripada pakar-pakar.

Tetapi untuk menentukan dasar dan pentadbiran am saya rasa ia haruslah di bawah naungan rakyat Malaysia kalau kita tidak mahukan sebarang rayuan mahkamah kepada Privy Council mengapa pula kita dalam perkara ini perlukan juga ahli-ahli daripada luar negara. Tetapi pada masa yang sama saya rasa ada perlu bahawa sungguhpun kita perlukan nasihat pakar-pakar - resolution trust corporation dalam perkara ini. Saya rasa adalah penting bahawa kita memastikan hanya mereka yang benar-benar ada pengalaman dalam sektor-sektor yang berkaitan dilantik.

Sungguhpun seperti yang saya pernah sebutkan tadi kalau kita hendak 'good corporate governance, good ethical practices', ada terlalu banyak kes yang mana dilantik hanya merupakan macam flower vase. Merupakan satu perhiasan sahaja tanpa memberikan sumbangan yang sewajarnya. Oleh itu adalah perlu mereka yang dilantik benar-benar mempunyai kebolehan dan yang lebih penting lagi mempunyai masa. Dia mestilah seorang pro-aktif, aktivis. Bukan duduk sana, datang mesyuarat, dengar apa yang dicakap dan ikut sahaja. Tetapi aktivis yang mempunyai komitmen sepenuh masa. Kerana AMC adalah satu badan yang sangat penting yang boleh memulihkan sistem perbankan ataupun menghancurkan sistem perbankan. Dan saya rasa adalah penting ia mesti merupakan ahli sepenuh masa kerana kalau tidak saya takut usaha dan pelaburan negara yang begitu besar akan disia-siakan begitu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya ada lagi. Teluk Intan, sila.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kita baca cadangan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang, ini lebih dari munasabah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kroni.

Tuan M. Kulasegaran: Kalau kita baca juga seksyen 5 (2). Dengan izin saya baca “Bagi maksud subseksyen (1), Menteri boleh melantik mana-mana orang yang difikirkannya layak dan patut untuk bertindak dan membantu Perbadanan mencapai objektifnya.”

Saya berpendapat bahawa dengan adanya cadangan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang ini, ia akan memberi lebih makna dan akan mengehadkan kuasa menteri berkenaan supaya melantik pihak-pihak dan orang-orang yang layak dan ada kena mengena dengan pihak-pihak yang berkaitan.

Saya juga ingin beritahu bahawa kebelakangan ini ada beberapa keputusan mahkamah di mana bila litigant bila pihak-pihak memohon supaya mereka diberi, membawa peguam-peguam yang sangat experience dari luar negeri, mahkamah di negara ini telah tidak membenarkan dan satu alasannya adalah bahawa ia akan mengalirkan wang kita keluar negeri dan kita ada kepakaran peguam-peguam dalam negara. Dan rasional yang sama saya berpendapat bahawa kita ada pakar-pakar tertentu di universiti-universiti dan di swasta yang boleh dan dilantik untuk menjalankan tugas. Dan kita tidak perlu orang-orang yang dikatakan di paragraph 5.(1)(e) iaitu dua orang anggota daripada masyarakat antarabangsa. Memandangkan perkara ini saya rasa harap Dewan yang mulia ini akan menyokong cadangan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila jawab Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang itu merupakan satu cadangan yang cuba memberi specific qualification lagi kepada peruntukan ini. Ingin saya nyatakan di sini, apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang telah dirangkumi di dalam Jadual Pertama Perkara 2. Yang mengatakan Lembaga boleh menjemput mana-mana

orang menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangan Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidaklah boleh mengundi pada mesyuarat tersebut. Itu satu dimensi yang kita bagi kepada penglibatan orang lain tetapi Yang Berhormat juga membangkitkan apa yang terkandung dalam 5(1) iaitu Perkara yang hendak dimasukkan oleh Yang Berhormat tadi adalah pada fikiran saya dan saya pasti iaitu pakar-pakar ini akan dimasukkan di bawah 5.(1)(d) iaitu 3 orang anggota daripada sektor swasta. Dari sektor swasta ini akan tentu sekali kita akan mengambil orang-orang yang pakar di dalam banking, finance, real estate dan business management seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi.

Dan saya ingin mempertahankan kemasukan 2 orang anggota daripada masyarakat antarabangsa. Jadi di sini tadi Yang Berhormat daripada Kota Melaka pun mencadangkan supaya kita ada kaitan ataupun external linkage dengan antarabangsa. Jadi tujuan kerajaan mencadangkan ini ialah supaya segala operasi kita menjadi telus pada masyarakat antarabangsa supaya kita ada kaitan bukan sahaja dari segi kaitan linkages kepada pasaran 'market' dengan izin. Tetapi juga ketelusan yang kita dapat menunjuk kepada masyarakat antarabangsa dan juga kepakaran-kepakaran yang mungkin tiada di negara kita ini boleh diminta dari pihak antarabangsa. Jadi saya tidak menyokong cadangan ini.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujui.

Fasal 5 -

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi oleh kerana kita masih dalam fasal 5, saya sangat kesal mengenai jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Oleh kerana mengikut jawapannya nampaknya kita akan ada seorang pengerusi dan ahli-ahli lembaga yang tidak ada pengalaman khasnya dalam banking, finance, real estate and business management.

Dan dia kata experts ini boleh dipelawa di bawah 5(2). Ini untuk memberi nasihat, memberi pandangan dan kita perlulah - kita harap Yang Berhormat Timbalan Menteri sungguhpun pindaan itu tidak diluluskan, akan memastikan bahawa sesiapa yang menjadi ahli lembaga AMC tentu ada pengalaman dalam banking, finance, real estate dan business management kalau tidak on the first, langkah yang pertama sudah hilang kepercayaan bukan sahaja orang ramai, rakyat Malaysia, hilang kepercayaan masyarakat antarabangsa. Mereka yang tidak tahu apa banking, apa finance, apa real estate tidak tahu apa business management akan bertanggungjawab mengenai AMC. Itu saya harap akan ambil perhatian berat.

Kedua, saya cadang pindaan, tambahkan satu seksyen 1A yang baharu yang berbunyi:

“One of the members in subsection 1 shall be appointed upon the recommendation of the Parliamentary Opposition Leader.”

Seorang Ahli: Ha, ha!

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu reaksi ialah ha, ha! Reaksi ialah ha, ha, oleh kerana tidak ada fahaman politik yang dalam, tak matang. Ha, ha itulah.

Seorang Ahli: RM25 bilion, ha, ha!

Tuan Lim Kit Siang: RM25 bilion ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang kata cadang bahawa pihak pembangkang sokong, setuju dengan cadangan AMC, kita rela tetapi kita mahu ialah participate dalam decision making process, kita mahu tahu bahawa tidak ada penyelewengan dan cara antara lain ialah di mana seorang anggota ialah di atas recommendation Parliamentary Opposition Leader, bukan saya, sesiapa yang memegang jawatan ini, Parliamentary Opposition Leader, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kita ikut Resolution Trust Corporation perundangan dalam United States - tidak itu, di mana semalam saya ada rujuk di mana antara perlantikan dalam Lembaga Resolution Trust

Coproration di antaranya ialah seorang atas recommendation minority leader, House of Representatives, itulah untuk memastikan perjalanan AMC kita by partisan, non-partisan bukan di'spect' dengan cronies Barisan Nasional - tidak.

Tetapi atas merit crony, saya tahulah bahawa Pengerusi BBC dia rasa tak cukup menjadi crony, dia mahu menjadi crony lebih besar dalam Barisan Nasional. Sampai sekarang belum crony kecillah sahaja sekarang, tiny crony, mini crony, mahu jadi satu mega crony - ya.

Saya harap kita serius dalam perkara ini, supaya by partisan above partisan consideration dan sepatutnya ini patut menjadi satu precedent, kalau kita mahu mengadakan lebih unanimity, concensus dalam masyarakat kita sama ada dalam perlantikan mengenai public trust organisation, inilah satu public trust organisation dan patutlah ada input daripada semua pihak sama ada parti memerintah atau parti pembangkang dan apabila kata atas satu cadangan, recommendation Parliamentary Opposition Leader bukan kata Ahli DAP akan di'recommend'kan, tentu orang yang ada berkaliber, berwibawa dan tentu saya rasa bukan anggota DAP atau anggota PAS tetapi kita percaya, saya rasa ini satu contribution yang baik dalam perkembangan Malaysia sebagai satu masyarakat yang ada lebih maturity dan bukan tadi apabila dengar - ha, ha - apa itu? Tidak ada maturity, kita patut sampai satu tahap lebih mature, lebih matang. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada apa-apa Yang Berhormat hendak tambah?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya mendengar hujah Yang Berhormat Ketua Pembangkang dengan penuh teliti. Yang Berhormat memilih sistem politik Amerika. Sistem politik Amerika tidak semacam dengan kita, misalannya di dalam pemerintahan Bill Clinton sekarang ini iaitu Democratic

party yang memerintah, tetapi Menteri Pertahanannya John Cohan adalah seorang Republican.

Jadi, di Amerika tidak wujud satu pemisahan ideologi yang ketara, satu pemisahan yang ketara tidak wujud di antara Democratic dan Republican, cuma

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, saya tahu. Saya kata bukan tidak wujud, tidak wujud satu pemisahan politik yang ketara, Democratic dengan Republican sama. Persoalannya adakah ianya merupakan popularistic ataupun tidak - ataupun conservatism. Jadi, persoalannya di sini mengapa Yang Berhormat tidak bandingkan kita dengan sistem Westminster. Di dalam sistem Westminster mana ada wakil pembangkang diberi kuasa sebegini?

Kalau Yang Berhormat hendak mengambil sesiapa?

Tuan Lim Kit Siang: Memang ada!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tidak ada!

Tuan Lim Kit Siang: Mereka pun ada appointment House of Lords dan lain-lain, mereka menerima.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: House of Lords, kita pun ada daripada PAS!

Tuan Lim Kit Siang: PAS itu oleh kerana Kelantan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya!

Tuan Lim Kit Siang: Atas kuasa di Kelantan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Itu berbeza!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, itu House of Lords, tetapi di dalam soal pentadbiran, ini adalah direct executive power of the government,

mengapa government hendak mengambil seorang Opposition Leader membuat participation.

Tuan Lim Kit Siang: Board national railways.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tidak ada, tidak ada Yang Berhormat. Jadi, saya tidak bersetuju dengan pindaan ini. Kalau Yang Berhormat ambil sistem politik yang sama dengan kita, tidak ada precedent sebegini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi disetujui, dan tidak disetujui.

Fasal 5 -

Fasal 5 diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Fasal 6 (Cadangan pindaan oleh Y.B. Tuan Lim Kit Siang) -

6.48 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ada memberi notis dua pindaan tambahan yang baharu, satu untuk Seksyen 6 dan satu untuk Seksyen 8.

Seksyen 6 ini mustahak oleh kerana RM25 bilion, satu angka yang besar dan itulah apa yang dikata kita perlu ada kaedah-kaedah untuk memastikan bahawa tidak ada penyelewengan dan saya mahu mencadangkan bahawa menambahkan Seksyen 6(3) yang baharu yang berbunyi:

Fasal 6(3)

“The Board of Directors should have the following duties in addition to any other duties impose under the Act with respect to the corporation:

- (i) to develop and establish overall strategies, policies and goals for the corporation*

activities including general policies and procedures and overall financial goals, plans and budget;

- (ii) to review the overall performance of the corporation on the periodic basis including the operations, activities and internal controls of the corporation and the performance of the corporation relative to approved budget plans;*
- (iii) to maintain our strategic plan for conducting the corporations functions and activities which shall at a minimum contain the following:*
 - (a) standard the corporation shall use to select the aquisition of non performing loans;*
 - (b) plans for the disposition of assets;*
 - (c) management objectives by which the corporation progress in carrying out its duties under this Act can be measured;*
 - (d) a plan for the organisation structure and staffing of the corporation including an assessment of the extent which the corporation will perform asset management functions and other duties through contract with public and private entities;*
 - (e) consideration of whether incentives should be included in asset management contract to*

- promote active and efficient asset management;*
- (f) standard for adequate competition and fair and consistence treatment of offerers;*
 - (g) standard and private discremination on the basis of race, sex or ethnic group in the solicitation and consideration of offers;*
 - (h) procedures requiring that unseccessful offerers be notified in writing of the decision within three days after the offer has been rejected;*
 - (i) procedures for establishing the market value of assets based upon standard market analysis, valuation and appraisal practices;*
 - (j) procedures requiring the timely evaluation of purchase offers for an asset;*
 - (k) policies and procedures for avoiding political favouritism and undue influence in contracts and decisions made by the corporation.*

Tujuan ini ialah supaya ada akauntabiliti, ada tranparency and efficiency, ada integrity dan inilah sebagai apa yang ada dalam perundangan di lain-lain negara yang kita mahu, tetapi ditinggalkan supaya undang-undang ini lebih sempurna. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan seperti yang dicadangkan terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada yang bahas, Yang Berhormat ada apa-apa tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: Tiada.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi disetujui, dan tidak disetujui.

Fasal 6 dan 7 -

Fasal 6 dan 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8 (Cadangan pindaan oleh Y.B. Tuan Lim Kit Siang) -

6.49 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya ada satu pindaan untuk Seksyen 8 ialah pindaan kepada Seksyen 8(3) digantikan tanda “.” dengan tanda “;” dan ditambahkan perkataan-perkataan yang berikut:

It shall be presented to Parliament at its next meeting together with the annual report.

Inilah apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi ada laporan - tidak ada laporan, ROC sahaja dan ROC report satu private report tidak ada lengkap, apa yang kita mahu ialah satu peruntukan di mana AMC perlu buat bukan sahaja bentangkan audited statement selepas dikemukakan kepada menteri tetapi juga dibentang dalam Parlimen dan disertai dengan satu laporan tahunan supaya perjalanan AMC boleh disecrutinised oleh Parlimen dan juga ada satu perbincangan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah pindaan terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbincangan]

Tuan Pengerusi Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat, tidak ada apa-apa?

Tuan Lim Kit Siang: Tiada.

Tuan Pengerusi Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi disetujukan, dan tidak disetujukan.

Fasal 8 -

Fasal 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9 hingga 70 -

Fasal 9 hingga 70 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 71 (Cadangan pindaan oleh Y. B. Tuan Lim Kit Siang) -

6.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk mencadangkan bahawa tambahkan Seksyen 71 baru yang berbunyi:

“Fraud and Enforcement Division:

The Corporation shall maintain a Fraud and Enforcement Review Division to assist and advise the Corporation and other agencies in pursuing criminal cases, civil claims, and administrative enforcement actions against any person in the course of carrying out its business as an Asset Management Company. The Fraud and Enforcement Review Division shall have such duties as the Corporation establishes.”

Sungguhpun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada sebut Fasal 54 di mana dalam satu investigation into the affairs of an affected person by the Special Administrator reveals any fraud, misfeasance or other misconduct in connection with the promotion or formation of the effected person or in the management of an effected person or its affairs, or where there has been any

misappropriation or wrongful retention of any asset which belongs to an affected person, the Special Administrator shall report such fraud, misfeasance or misconduct to the appropriate regulatory or enforcement body. Oleh kerana badan ini satu badan yang bertanggungjawab RM25 bilion hingga RM40 bilion satu angka yang amat besar perlu mengadakan satu division sendiri mengenai Fraud dan Enforcement supaya bukan sahaja dalam mengendalikan RM25 bilion hingga RM40 bilion boleh mengelakkan apa-apa fraud, criminal breach of trust tetapi oleh kerana NPL yang begitu besar kalau ada berlaku fraud, criminal breach of trust dan penyalahgunaan wang di peringkat sebelum pengambilalihan NPL oleh AMC dan mengakibatkan antara lain kenapa syarikat-syarikat tersebut tidak boleh servis loan itu semua ini perlu satu accountability dan transparency. Kalau berlaku apa-apa penjenayah-penjenayah patut dibawa ke muka pengadilan. Sebab itulah perlu satu provision yang khas yang ada dalam perundangan di negara-negara yang lain di mana kita kata kita ikut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah pindaan sekarang terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Jadual Pertama dan Jadual Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Pendahuluan diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Masalah-masalah di Sekolah Tamil

6.53 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, krisis Sekolah Tamil. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang menjadi tonggak utama untuk mempertahankan bahasa Tamil dan juga bertindak sebagai satu-satunya pendidikan asas kepada rakyat India di negara ini sedang menghadapi masalah yang serius.

Tuan Lau Ngan Siaw: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran: Saya sudah habis.

Tuan Lau Ngan Siew: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kuorum.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bunyikan loceng.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada gentlemen 'agreement' kah ini?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Anti-Tamil School, go back to your... anti-Tamil school.

Tuan M. Kulasegaran: You don't want me to

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, nampaknya kita tidak cukup kuorum maka mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.55 petang.

